


TRANSFORMASI SEDANG BERLANGSUNG  
LAPORAN TAHUNAN 2012



LEMBAGA  
PEMBANGUNAN  
PELABURAN  
MALAYSIA





LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2012

“Pelabur-pelabur yang bijak akan memberitahu anda supaya melabur untuk jangka panjang dan sebab itulah di Malaysia, kita melabur untuk masa depan negara kita. MIDA memainkan peranan penting dalam hal ini sambil kita terus berusaha mencapai matlamat kita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.”

- Dato' Seri Najib Tun Razak, pada majlis perasmian ibu pejabat MIDA yang baharu, 3 Julai 2012.

# KANDUNGAN

## PENJENAMAAN SEMULA MIDA

MIDA yang baharu akan memanfaatkan peluang-peluang yang tersedia berikutan ekonomi global yang sentiasa berubah.

### 08 Kelahiran semula dengan semangat baharu

MIDA telah distrukturkan semula dan diberi kuasa melaksanakan agenda pelaburan Malaysia.

### 10 Bijak dan berwawasan

Lembaga Pengarah yang berwawasan merangka hala tuju agensi.

### 12 Kuasa kakitangan

Pasukan pengurusan di sebalik pelaburan yang memberangsangkan.

### 14 Tiada birokrasi

Struktur organisasi MIDA yang baharu membolehkan keputusan dibuat lebih cepat.

### 18 Mandat MIDA

Lembaga dan fungsinya.

**06**

## BACA SAYA DAHULU

Tahun 2012 dari sudut pandangan pegawai tertinggi MIDA.

### 22 Negara yang indah ini

Oleh Tan Sri Amirsham Aziz, Pengerusi MIDA.

### 24 Komited kepada program

Oleh Datuk Noharuddin Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA.

- 30 Bersediahlah semua
- 33 Tanda kualiti yang baharu
- 34 Perubahan dalam sektor perkilangan
- 36 Kebangkitan pelabur domestik
- 37 FDI terus bertahan menghadapi persekitaran luar yang lemah
- 38 Pelaburan yang diluluskan menjadi kenyataan
- 38 Bahagian yang lebih besar untuk semua orang
- 38 Sektor perkhidmatan memacu pelaburan
- 42 Mencipta nilai melalui perkhidmatan sokongan

**22**

## TAHUN YANG MEMECAHKAN REKOD

Dalam tahun yang mencabar bagi agensi promosi pelaburan di seluruh dunia, MIDA menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada kebanyakan agensi lain.

- 48 Kesan ekosistem
- 49 Memenangi hati pelabur asing
- 50 Semangat ASEAN
- 53 Meningkatkan perdagangan antarabangsa
- 54 Memupuk pelabur domestik
- 56 Liputan media dan ekspo
- 57 Pembangunan sumber manusia

**28**

## MIDA DI LAPANGAN

Pegawai MIDA menjelajah ke seluruh pelusuk rantau untuk membentangkan usul "ekosistem" Malaysia ke mata dunia.

- 60 Perakuan Audit
- 63 Lembaran imbangan
- 64 Penyata pendapatan
- 64 Penyata perubahan ekuiti
- 65 Penyata aliran tunai
- 67 Nota-nota kepada penyata kewangan

**46**

## PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 berserta perakuan Ketua Audit Negara seperti yang diterakan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi memenuhi Seksyen 7 dan 8 Akta Badan Berkanan (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

- 60 Perakuan Audit
- 63 Lembaran imbangan
- 64 Penyata pendapatan
- 64 Penyata perubahan ekuiti
- 65 Penyata aliran tunai
- 67 Nota-nota kepada penyata kewangan

**58**

## LAMPIRAN

- 80 Acara
- 83 Lawatan VIP
- 84 Aktiviti promosi pelaburan antarabangsa
- 86 Aktiviti promosi pelaburan domestik

**78**

# 06

## PENJENAMAAN SEMULA MIDA

MIDA yang baharu akan memanfaatkan peluang-peluang yang tersedia berikutan ekonomi global yang sentiasa berubah.

### 08 Kelahiran semula dengan semangat baharu

MIDA telah distrukturkan semula dan diberi kuasa melaksanakan agenda pelaburan Malaysia.

### 10 Bijak dan berwawasan

Lembaga Pengarah yang berwawasan merangka hala tuju agensi.

### 12 Kuasa kakitangan

Pasukan pengurusan di sebalik pelaburan yang memberangsangkan.

### 14 Tiada birokrai

Struktur organisasi MIDA yang baharu membolehkan keputusan dibuat lebih cepat.

### 18 Mandat MIDA

Lembaga dan fungsinya.



**SATU ERA BAHARU:** MIDA secara rasmi berpindah ke ibu pejabat baru pada 27 Julai 2012. Dengan keluasan binaan kira-kira 300,000 kaki persegi, MIDA Sentral membolehkan agensi ini memberi khidmat lebih berkesan dan profesional kepada pelabur berbanding sebelumnya.

# Kelahiran semula dengan semangat baru

Diberi kuasa untuk melaksanakan agenda pelaburan Malaysia.

**P**ersekitaran pelaburan global telah berubah seiring dengan perkembangan dunia dan apa yang tetap adalah perubahan itu sendiri.

Malaysia telah menyedari sejak beberapa tahun yang lalu bahawa persekitaran pelaburan akan berubah dan telah bertindak dengan mengusulkan satu pelan ekonomi jangka panjang yang komprehensif dan dapat mengubah negara ini menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Namun demikian semenjak pelancarannya, Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation

perindustrian negara, MIDA telah bersedia untuk menerima perubahan ini.

## Bukan sekadar agensi penggalakan pelaburan biasa

Sejak 2011, persekitaran pelaburan Malaysia telah dibentuk semula untuk menarik pelaburan yang disasarkan. Dalam masa yang sama, MIDA telah distruktur semula dan diberi kuasa untuk melaksanakan

“Malaysia juga disenaraikan sebagai Negara ke-25 paling kompetitif di dunia boleh Forum Ekonomi Dunia dalam Global Competitiveness Report 2012-2013.”

Program, ETP) telah melangkui objektifnya sebagai satu pelan tindakan ekonomi negara kepada sesuatu yang menyeru sektor swasta dan awam di negara ini untuk berubah atau diubahkan. Syarikat-syarikat Malaysia telah bangun menyahut seruan ini.


Sebahagian besar daripada strategi dalam ETP akan dipacu oleh pelaburan sektor swasta. Selain daripada itu, Malaysia perlu bersifat mesra perniagaan dan responsif kepada keperluan komuniti perniagaan global yang sentiasa berkembang. Pada tahun 2011, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan dipertanggungjawabkan untuk menerajui agenda pelaburan nasional ETP dan Model Baru Ekonomi. Setelah lebih empat dekad terlibat dalam penggalakan dan penyelarasan pembangunan

rancangan-rancangan Kerajaan. Secara fizikal, perubahan MIDA dicerminkan oleh identiti korporat dan ibu pejabatnya yang baharu di MIDA Sentral. Pada masa yang sama, satu struktur organisasi yang baharu dibentuk selaras dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas, NKEA) yang dikenal pasti di bawah ETP, mencerminkan komitmen agensi terhadap matlamat pelan induk negara.

MIDA baharu bukan sekadar menggalakkan pembangunan perindustrian tetapi ia tertumpu dalam memacu pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi dalam industri baharu dan baharu muncul yang dapat mengukuhkan lagi reputasi Malaysia sebagai pusat bagi produk serta perkhidmatan berteknologi tinggi dan kreatif. Ibu pejabat MIDA menempatkan wakil-wakil kanan daripada agensi-agensi utama

## Sentiasa satu langkah di hadapan

MIDA adalah salah satu daripada agensi penggalakan pelaburan yang paling berjaya di dunia dengan rekod prestasi yang konsisten dalam menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment, FDI) per kapita berbanding negara-negara jiran, negara-negara membangun dan juga dunia secara purata.



seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad untuk membantu dan menasihati para pelabur tentang dasar-dasar dan prosedur Kerajaan. Di samping itu, entiti lain seperti Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Alam Sekitar telah mewakilkan pegawai-pegawai khusus untuk segera bertindak balas terhadap permintaan daripada MIDA dan para pelabur.

Pelan tindakan baharu MIDA akan dilaksanakan melalui pendekatan strategik terhadap perniagaan. Agensi ini akan memanfaatkan kaedah ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dan membangunkan industri yang disasarkan. Industri strategik baharu yang penting akan dipupuk melalui insentif bersesuaian manakala industri sedia ada akan digalakkan untuk

melabur semula dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi dan berintensifikasi pengetahuan. MIDA juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras usaha-usaha pelbagai agensi penggalakan pelaburan di negara ini ke arah memenuhi keperluan modal insan para pelabur serta mengubah landskap pelaburan domestik.

MIDA bermatlamat untuk membawa perubahan ketara dalam aktiviti pelaburan bagi semua sektor ekonomi utama yang dikenal pasti di bawah Model Baru Ekonomi dan ETP. Usaha-usaha penggalakan pelaburan di Malaysia dan di luar negara akan membantu negara membuat lonjakan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Perubahan MIDA merupakan satu titik baru. ■

# Bijak dan berwawasan

Lembaga Pengarah yang berwawasan menentukan hala tuju agensi.

Salah satu pemangkin di sebalik pembaharuan MIDA ialah Lembaga Pengarahnnya yang terdiri daripada empat belas (14) ahli yang diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dari Sabah dan Sarawak.

Lembaga Pengarah juga mempunyai lapan anggota daripada sektor swasta yang mewakili sektor perdagangan, perlilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Tiga mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2012, di mana Lembaga Pengarah MIDA telah menetapkan hala tuju baharu bagi organisasi ini dan membuat keputusan strategik mengenai masa depannya.



**TAN SRI DR. SULAIMAN MAHBOB**  
Pengerusi, MIDA  
(hingga 28 Mei 2012)



**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
Pengerusi, MIDA  
(dari 29 Mei 2012)



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



**DATUK DR REBECCA FATIMA STA MARIA**  
Setiausaha  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri



**DATO' SITI HALIMAH ISMAIL**  
Setiausaha  
Bahagian Analisa Cukai,  
Perbandaraan



**DATUK DR K. GOVINDAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
(Kumpulan)  
RAM Holdings Berhad



**DATUK NORIYAH AHMAD**  
Pengerusi Bersama  
Malaysia-Thailand Joint  
Authority (MTJA)  
(dari 1 Julai 2012)



**DATUK HAJI HASHIM PAIJAN**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan  
Perindustrian, Sabah



**DATUK LIAW SOON ENG**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan  
Perindustrian, Sarawak



**DATUK NG PENG HONG**  
@ NG PENG HAY  
Pengerusi  
Wellcall Holdings Berhad



**TAN SRI AZMAN SHAH DATO'  
SERI HARUN**  
Presiden  
Persekutuan Majikan-  
Majikan Malaysia



**TAN SRI YONG POH KON**  
Presiden  
Persatuan Pengilang-  
Pengilang Malaysia  
(dari 1 Julai 2012)



**TENGKU DATO' ZAFRUL  
TENGKU ABDUL AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Maybank Investment Bank  
Berhad (dari 1 Julai 2012)



**DATO' GOOI SOON CHAI**  
Presiden Agilent Technologies  
Malaysia dan Singapura  
Agilent Technologies  
Microwave Products  
(M) Sdn. Bhd. (dari 1 Julai 2012)



**STUART L. DEAN**  
Ketua Pegawai  
Eksekutif GE ASEAN  
GE Global Growth & Operations  
(dari 1 Julai 2012)

# Kuasa kakitangan

*Pasukan pengurusan yang cekap mendorong pelaburan.*

Diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Noharuddin Nordin, pasukan pengurusan MIDA merupakan gabungan mantap yang terdiri daripada ahli yang berpengalaman dan dinamik. Struktur

organisasi MIDA telah digantikan dengan struktur yang lebih mendatar pada tahun 2012 sejajar dengan agenda ekonomi negara dan keutamaan strategik Program Transformasi Ekonomi (ETP).



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pembangunan Perkilangan & Perkhidmatan I)



**DATUK PHANG AH TONG**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pembangunan Perkilangan & Perkhidmatan II)



**N. RAJENDRAN**  
Pengarah Eksekutif, Penggalakan  
Pelaburan (dari 1 Jun 2012)  
Bhg. Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Asia/Oceania  
(hingga 31 Mei 2012)



**YEOH HOCK ENG**  
Pengarah, Bhg. Kimia dan  
Bahan Termaju  
(hingga 11 September 2012)



**TAN CHEE CHAI**  
Pengarah, Bhg. Logam & Logam Aloi



**INON ABDUL HAMID**  
Pengarah, Bhg. Elektrikal & Elektronik



**CHAI SIEW FOON**  
Pengarah, Bhg. Teknologi  
Bangunan & Gaya Hidup



**HINDON A. AZIZ**  
Pengarah Eksekutif, Khidmat  
Pengurusan (dari 1 Dis 2012)  
Pengarah, Bhg. Pengurusan Korporat  
(until 30 November 2012)



**LAILAH CHE MOHD DARUS**  
Pengarah Eksekutif, Pengurusan  
Sumber Manusia



**N. SANGARAN**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkilangan (Sumber) (dari 1 Dis 2012)  
Pengarah, Bhg. Industri Jentera dan  
Sokongan Kejuruteraan  
(hingga 30 November 2012)



**MOHAMED ZUHARI  
MOHAMED NOR**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkhidmatan I (dari 1 Dis 2012)  
Pengarah, Bhg. Teknologi Pengangkutan  
(until 30 November 2012)



**FAUZIAH ADAM**  
Pengarah, Bhg. Pembangunan  
Sistem Teknologi Maklumat  
(dari 1 Disember 2012)



**ROESLINA ABBAS**  
Pengarah, Bhg. Kerjasama Antarabangsa



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**  
Pengarah, Bhg. Pematuhan &  
Pemantauan Pelepasan & Galakan  
(dari 1 Disember 2012)



**HAFIZAH SHAHAR**  
Pengarah, Bhg. Infrastruktur  
& Khdmat Sokongan  
(dari 3 September 2012)



**WAN HASHIM WAN JUSOH**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkilangan (Bukan Sumber)  
(dari 1 Dis 2012)



**C. MATHIALAKAN**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkhidmatan (RESC, BPS &  
ICT) (dari 1 Dis 2012)



**KANG LAY KIM**  
Pengarah Eksekutif,  
Perancangan Strategik  
(dari 1 Disember 2012)



**JASWANT SINGH**  
Pengarah Eksekutif, Ekosistem  
Pelaburan (dari 1 Dis 2012)  
Pengarah, Bhg. Industri Sains Hayat  
(hingga 30 November 2012)



**AZIAN MOHD YUSOF**  
Pengarah, Bhg. Penggalakan  
Pelaburan Tempatan



**TENG YIT CHAN**  
Pengarah, Unit Komunikasi Pelaburan



**HASLIDAH JAAFAR**  
Ketua, Unit Maklumat Pelaburan

# Tiada birokrasi

*Struktur organisasi MIDA yang baru membolehkan keputusan dibuat lebih cepat.*

Penstruktur MIDA bermula pada bulan November 2011, apabila rancangan penyusunan semula itu dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan. Struktur baharu yang dicadangkan itu merangkumi lima jawatan JUSA (Jawatan Utama Sektor Awam) iaitu satu JUSA B dan empat JUSA C yang telah diluluskan pada 12 Julai 2012 serta tambahan 33 jawatan pengurusan baharu di MIDA yang telah diluluskan pada 16 September 2012. Jawatan-jawatan ini merupakan asas kepada struktur organisasi baharu MIDA.

Jawatan JUSA B akan menyelia Seksyen Perancangan Strategik & Ekosistem Pelaburan yang telah dirombak. Walau bagaimanapun sehingga 31 Disember 2012, jawatan ini masih belum diisi. Walaupun Perancangan Strategik telah menjadi tonggak utama organisasi semenjak sekian lama dan merupakan sebahagian penting daripada kejayaan MIDA, adalah dirasakan bahawa MIDA masih memerlukan pasukan pegawai yang baharu dan khusus untuk memupuk seluruh ekosistem pelaburan Malaysia.

## Memupuk ekosistem pelaburan Malaysia

Bahagian Ekosistem Pelaburan yang baharu di MIDA akan berperanan sebagai penyelaras bagi semua agensi promosi pelaburan negeri dan negara serta bertindak sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan (Investment Monitoring Committee, IMC). Bahagian ini juga dipertanggungjawabkan untuk menyelaras usaha-usaha penyedia perkhidmatan infrastruktur dan utiliti dalam memenuhi keperluan pelabur sambil memantau pembangunan bakat dan kapasiti dalam industri sasaran. Memandangkan ia bertanggungjawab bagi portfolio Tarif MIDA, Bahagian ini juga akan membantu untuk memastikan syarikat

tidak menyalahgunakan atau memanipulasi incentif yang ditawarkan kepada mereka. Bahagian ini akan dianggotai oleh lebih 50 pegawai apabila ia beroperasi sepenuhnya yang akan menyelaraskan kemajuan dan pencapaian KPI bagi bahagian-bahagian yang berkaitan di MIDA serta menjelaki aliran pelaburan.


Bahagian-bahagian lain yang diketuai oleh pegawai-pegawai JUSA C termasuk Perkhidmatan Pengurusan dan Pelaburan Domestik. Bahagian Perkhidmatan Pengurusan akan menyelia semua fungsi dalam MIDA seperti Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan. Bahagian Pelaburan Domestik pula ditugaskan untuk meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dalam transformasi ekonomi Malaysia.


Memandangkan kepentingan Sektor Perkhidmatan bagi masa hadapan ekonomi Malaysia, adalah wajar bagi MIDA untuk menyelaraskan sumber-sumbernya bagi menggalakkan pelaburan dalam bidang ini. Pada 2012, MIDA telah menubuhkan dua Seksyen Pembangunan Perkhidmatan baharu yang diketuai oleh pegawai kanan MIDA (JUSA C). Setiap satunya mempunyai Bahagian khusus untuk menarik pelaburan dalam industri perkhidmatan yang disasarkan oleh ETP.

Organisasi baharu MIDA mencerminkan perubahan dinamik persekitaran pelaburan masa kini. Rangkaian arahan yang pendek dan jangkuan kawalan yang lebih meluas memberi kuasa kepada pengurusan MIDA untuk membuat keputusan yang lebih cepat serta berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan kakitangan. Dengan karenah birokrasi yang berkurangan, MIDA akan mempermudahkan persekitaran perniagaan di Malaysia. ■

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
Datuk Noharuddin Nordin

Carta Organisasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)  
(Pada 31 Disember 2012)





# Mandat MIDA

*Lembaga dan fungsinya.*

**M**IDA adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
  - » pemberian lesen pengilang;
- » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
- » jawatan pegawai dagang;
- » mengena atau memotong dan mengecuali daripada duti kastam; dan
- » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitannya (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.

# 20

## BACA SAYA DAHULU

Tahun 2012 dari sudut  
pandangan pegawai tertinggi  
MIDA.

**22 Negara yang indah ini**  
Oleh Tan Sri Amirsham  
Aziz, Pengurus MIDA.

**24 Komited kepada  
program**  
Oleh Datuk Noharuddin  
Nordin, Ketua Pegawai  
Eksekutif MIDA.

## OFFICIAL LAUNCH OF MIDA SENTRAL AND THE NEW LOGO

3rd July 2012

**PERMULAAN BAHARU:** Bergambar untuk media pada majlis pelancaran MIDA yang baharu adalah (dari kiri) Datuk Noharuddin Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA; Tan Sri Amirsham Aziz, Pengurus MIDA; Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri; Dato Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); Datuk Jacob Dungau Sagan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.



# Negara yang indah ini

Oleh Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi MIDA.

**P**ermintaan yang lemah di Eropah, eksport yang berkurangan dari China dan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lembap menjadikan 2012 tahun yang mencabar bagi ekonomi global. Negara-negara membangun turut merasa tempias ekoran kemerosotan negara-negara berpendapatan tinggi di dunia yang menjelaskan pertumbuhan KDNK global sebanyak 0.5 peratus kepada 2.3 peratus (2011: 2.7 peratus)<sup>1</sup>.

Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia berjaya mengelak arus global ini dengan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (2011: 5.1 peratus). Ini adalah disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih kukuh dan dapat mengimbangi persekitaran luaran yang lemah. Bahkan permintaan domestik telah mencatat kadar perkembangan tertinggi sepanjang sedekad yang lalu kerana didorong oleh corak penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi.

Asas ekonomi yang kukuh ini membantu Malaysia mencatat rekod prestasi tertinggi bagi pelaburan yang diluluskan dan peluang pekerjaan pada tahun 2012. Walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia telah meluluskan pelaburan sebanyak RM 162.5 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada tahun 2012. Ini adalah kira-kira 10 peratus lebih daripada sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Bahagian aliran masuk pelaburan domestik meningkat hampir empat kali ganda jumlah pelaburan langsung asing pada tahun 2012 yang menunjukkan keyakinan perniagaan tempatan terhadap keupayaan negara untuk memajukan para pelabur. Peningkatan pelaburan domestik juga bersesuaian dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi swaekal dan berpendapatan tinggi yang dipacu oleh pelabur-pelabur tempatan, terutamanya dengan perkembangan sektor perkhidmatan dan peluang-



peluang baharu sektor tersebut kepada ekonomi dan komuniti perniagaan di Malaysia.

Prestasi ekonomi Malaysia yang positif kebelakangan ini, ditambah pula dengan pembaharuan progresif oleh Kerajaan, turut membantu memperbaiki kedudukan negara di kalangan agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia, Perbadanan Kewangan Antarabangsa dan Forum Ekonomi Dunia. Malaysia disenaraikan di kedudukan ke-12 negara paling mesra perniagaan di dunia oleh Bank Dunia dalam Laporan "Ease of Doing Business 2013" yang mendahului Jerman (tempat ke-20), Jepun (ke-24) dan Switzerland (ke-28). Ini merupakan kedudukan tertinggi negara sejak Bank Dunia dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa mula menyusun kedudukan tahunan pada tahun 2005. Malaysia juga disenaraikan sebagai negara ke-25 paling kompetitif di dunia oleh Forum Ekonomi Dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2012-2013 yang juga memperakui bahawa negara ini telah beralih daripada sebuah ekonomi yang dipacu oleh kecekapan kepada ekonomi yang didorong oleh inovasi. Tinjauan

## Syarikat-syarikat gemar menjalankan

	Ekonomi	Paling Mudah dalam Menjalankan Perniagaan (Kedudukan)		
		2013	2012	2011
Ea	Singapore	1	1	1
Ke	Hong Kong SAR	2	2	2
	New Zealand	3	3	3
	Republik Korea	8	8	15
	Australia	10	15	11
	<b>Malaysia</b>	<b>12</b>	<b>18</b>	<b>23</b>
	Chinese Taipei	16	25	24

Jadual 1 *Ease of Doing Business 2013*, Kedudukan Teratas Asia Pasifik

terhadap syarikat-syarikat transnasional sentiasa menyenaraikan Malaysia di kalangan 20 teratas bagi destinasi FDI yang menarik di dunia<sup>2</sup>.

Semua pencapaian ini menunjukkan bahawa Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju dan pastinya akan meningkatkan usaha dalam menarik FDI global. Walau bagaimanapun, perkembangan global dan domestik menetapkan bahawa Malaysia tidak boleh leka. Negara perlu menggiatkan usahanya untuk meningkatkan daya saing dalam menghadapi persaingan daripada negara maju dan membangun serta ekonomi global yang mencabar. Lebih 81 peratus daripada negara-negara di dunia kini mempunyai agensi penggalakan pelaburan negara masing-masing dan saling bersaing untuk menarik wang pelabur<sup>3</sup>. Di samping itu, Bank Dunia menjangka KDNK global berkembang hanya 2.4 peratus pada tahun 2013 berikutan prospek yang semakin merosot dalam negara-negara maju dan membangun<sup>4</sup>. Ini diburukkan lagi oleh pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang perlahan dan krisis hutang di Eropah. Semua faktor ini dijangka memberi kesan limpahan kepada kebanyakan negara perdagangan Asia, termasuk Malaysia.

Pelaburan ke Malaysia juga akan dipengaruhi oleh perkembangan undang-undang dan dasar baharu seperti dasar gaji minimum dan persaraan, penghapusan subsidi utiliti secara beransur-ansur serta pelaksanaan rejim Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dicadangkan. Untuk memastikan agenda pelaburan negara kekal di landasan yang betul, MIDA akan memainkan peranan yang lebih besar bagi menasihati Kerajaan dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar pelaburan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan dan kakitangan MIDA bagi usaha yang amat baik pada tahun 2012. Walaupun tahun mendatang akan membawa cabaran-cabarannya kepada institusi dan negara, ia juga akan membawa peluang-peluang baharu. Kami yakin bahawa MIDA akan menemui peluang-peluang ini dan mengambil kesempatan ke atasnya demi kepentingan negara kita yang indah ini. ■

**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
Pengerusi, MIDA

<sup>2</sup> Laporan Pelaburan Dunia, UNCTAD

<sup>3</sup> *Investment Promotion Agency Observer*, Isu #1, 2013, UNCTAD

<sup>4</sup> Prospek Ekonomi Global Bank Dunia

# Komitid kepada program

Oleh Datuk Noharuddin Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA.

**M**eskipun berada dalam persekitaran makroekonomi yang suram, Malaysia masih mampu memecahkan prestasi rekod pelaburan pada tahun 2012. Ini menunjukkan bahawa negara ini berada di landasan yang betul untuk mencapai matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Dengan itu, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan MIDA bagi tahun 2012.

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama adalah sebanyak RM 162.5 bilion pada tahun 2012 iaitu lebih daripada tahun-tahun sebelumnya serta mewujudkan lebih 180,000 peluang pekerjaan baharu. Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa memandangkan keadaan ekonomi dunia masa kini.

Sektor perkhidmatan menarik sebahagian besar daripada pelaburan (RM 117.6 bilion) iaitu 67 peratus lebih tinggi berbanding pada tahun 2011 (RM 70.4 bilion). Pelaburan domestik sebanyak RM 105.4 bilion mewakili 90 peratus daripada pelaburan ini, manakala bakinya adalah pelaburan asing.

Sementara itu, sektor perkilangan telah menarik pelaburan sebanyak 804 projek yang bernilai RM 41.1 bilion pada tahun 2012 iaitu menurun daripada RM 56.1 bilion untuk 846 projek yang dicatatkan pada tahun 2011. Hampir 50 peratus daripada pelaburan ini datang daripada sumber domestik (RM 20.2 bilion), manakala bakinya datang daripada sumber asing (RM 20.9 bilion).

Angka-angka itu adalah kenyataan. Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang digemari di dalam dunia perniagaan. Walaupun jumlah FDI ke Malaysia menurun sebanyak 17.4 peratus kepada US\$ 10.1 bilion pada 2012 (2011: US\$ 12.1 bilion), Malaysia masih kekal sebagai penerima ketiga terbesar FDI di kalangan



negara-negara ASEAN selepas Singapura (US\$ 56.7 bilion) dan Indoensia (US\$ 19.9 bilion). Penurunan ini mencerminkan kelembapan FDI di serata dunia dalam 2012. Data dari UNCTAD menunjukkan bahawa keseluruhan aliran FDI global menurun sebanyak 18 peratus kepada kira-kira US\$ 1.3 trillion pada 2012, iaitu penurunan daripada jumlah US\$ 1.6 trillion yang dinilai semula. Bagaimanapun, aliran FDI di negara-negara lain di dunia pada 2012 tidak begitu memberangsangkan. Data daripada UNCTAD menunjukkan bahawa keseluruhan aliran FDI global merosot sebanyak 18 peratus kepada anggaran kira-kira US\$ 1.3 trillion pada tahun 2012, iaitu penurunan daripada jumlah US\$ 1.6 trillion yang dinilai semula.

Ini adalah disebabkan oleh ketidaktentuan pelabur yang terus menghalang pemuliharaan FDI. Ketidaktentuan ini adalah didorong oleh persekitaran makroekonomi yang semakin lemah dengan kadar pertumbuhan yang lebih rendah dalam KDNK, perdagangan, pembentukan modal dan pekerjaan. Faktor-faktor risiko tambahan dalam persekitaran dasar juga menyumbang kepada

ketidaktentuan khususnya krisis Zon Euro, jurang fiskal Amerika Syarikat, perubahan Kerajaan di beberapa ekonomi utama pada tahun 2012 dan perubahan dasar secara menyeluruh yang mempunyai kesan terhadap FDI.

Kesan daripada ketidakpastian ini menyebabkan aliran FDI ke negara-negara maju jatuh secara drastik ke tahap hampir sepuluh tahun yang lalu. Kebanyakan negara EU mengalami penurunan ketara dalam aliran FDI dengan kejatuhan berjumlah kira-kira US\$ 150 bilion manakala aliran FDI Amerika Syarikat jatuh sebanyak US\$ 80 bilion. Walaupun aliran FDI ke negara-negara membangun susut tiga peratus kepada US\$ 680 bilion, ini masih adalah US\$ 130 bilion lebih daripada aliran FDI ke negara-negara maju yang pertama kali berlaku. Aliran ke negara membangun di Asia kehilangan sedikit momentum tetapi kekal pada paras yang tinggi.

Malangnya, pelaburan global ini tidak boleh diterjemahkan kepada faedah ekonomi secara serta-merta. Bank Dunia menjangka pertumbuhan KDNK global pada tahun 2013 kekal lembap pada 2.4 peratus kerana kemelesetan ekonomi Eropah terus menyekat

permintaan global<sup>1</sup>. Pertumbuhan dijangka tidak sekata di setiap rantau, dengan kebanyakan negara maju beroperasi dengan kapasiti berlebihan yang agak tinggi ketika bergelut dengan kekurangan struktur asas manakala pasaran baharu muncul terus mencatatkan pertumbuhan yang agak kukuh. Walau bagaimanapun, ekonomi yang penting secara sistemik dijangka mengekalkan dasar-dasar menyokong pertumbuhan yang seharusnya dapat menghindari satu lagi kemelesetan global.

Di tengah-tengah ketidakpastian global ini, ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh dengan berkembang di antara lima dan enam peratus pada 2013 yang disokong oleh keadaan permintaan domestik yang kukuh dan pemuliharaan persekitaran luaran secara beransur-ansur. Di samping itu, dasar fiskal domestik dijangka terus menyokong pelaksanaan projek-projek utama di bawah ETP tahun ini. MIDA juga mengukuhkan ekosistem pelaburan negara dan telah menerima pakai pendekatan yang lebih fokus bagi menarik pelaburan berkualiti dalam sektor yang disasarkan dan bidang pertumbuhan baharu. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012

<sup>1</sup> World Bank Global Economic Prospects

## Tahun rekod baru dicipta

Sidang media tahunan Prestasi Pelaburan Malaysia telah diadakan pada 27 Februari 2013 di Dewan Perdana, Tingkat 10, MIDA Sentral. Y.Bhg. Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengurus MIDA telah merasmikan pembukaan acara itu manakala Y.B.



## Kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif

menunjukkan trend umum ke arah lebih banyak projek yang berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi. Trend ini terbukti dalam nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (*Capital Investment Per Employee*, CIPE) sebanyak RM 536,336 pada tahun 2012 yang meningkat secara konsisten sejak ia mula direkodkan pada tahun 1990.

MIDA merupakan agensi Kerajaan utama yang ditugaskan untuk menggalak dan menarik pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Sektor ini dijangka menambah sumbangannya kepada ekonomi negara sepanjang dekad inidan MIDA akan terus melibatkan diri dan bekerjasama dengan agensi-agensi pembangunan ekonomi yang lain untuk meningkatkan aktiviti pelaburan dalam sektor ini di Malaysia.

MIDA telah distruktur semula untuk menjadikannya lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa dan menghadapi pelbagai cabaran daripada persekitaran pelaburan global. Terdapat bahagian-bahagian yang baharu ditubuhkan dan bahagian-bahagian yang telah digabungkan. Organisasi baharu ini kini mencerminkan penjajaran MIDA dengan Bidang Ekonomi Utama

Negara (NKEA) yang dikenal pasti oleh ETP di samping bukan NKEA yang disasarkan. Perubahan ini akan merealisasikan peranan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan di samping menjadi rakan kongsi yang unggul bagi pelabur tempatan dan asing yang ingin memanfaatkan kelebihan Malaysia yang unik.

Melangkah ke hadapan, MIDA akan terus menyokong inisiatif pembaharuan strategik untuk mengubah Malaysia menjadi ekonomi yang berdaya saing dan maju ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Walaupun aliran masuk FDI adalah penting untuk pembangunan ekonomi yang berterusan, peranan pelaburan domestik tidak boleh dipandang ringan. Model Baru Ekonomi, ETP dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah mengiktiraf kepentingan pelaburan domestik dalam memikul peranan utama bagi pertumbuhan ekonomi.

ETP telah mensasarkan pelaburan domestik untuk mencapai 73 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan menjelang tahun 2020. Dana dan insentif

yang diperkenalkan oleh MIDA pada bulan Julai 2012 untuk meningkatkan pelaburan domestik dijangka akan mula membawa hasil pada tahun 2013 apabila komuniti perniagaan tempatan mula mengambil kesempatan daripada manfaat tersebut.


Pada tahun 2013, MIDA juga akan melipatgandakan usahanya untuk mengerakkan pelaburan langsung domestik dengan menggunakan dan memanfaatkan peluang-peluang penyumberan luar, meningkatkan kapasiti dan menambahbaik keupayaan inovatif syarikat tempatan melalui R&D dan pembangunan modal insan. MIDA juga akan menggalakkan pemerolehan teknologi dan standard antarabangsa serta menggalakkan pengkomersilan penemuan R&D terutamanya yang mengeksplorasi sumber-sumber

## Kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif

tempatan sedia ada dari segi sumber-sumber asli yang boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui serta tenaga kerja.


Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekerja di MIDA atas usaha gigih dan kesabaran mereka dalam merealisasikan transformasi apabila kita merangka agenda pelaburan negara. Kerja keras anda mula menunjukkan hasil yang amat baik. Bersama-sama, saya yakin kita akan terus berkembang, terus berubah dan terus menjadi salah satu daripada agensi peneraju penggalakan pelaburan di rantau ini. ■

**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**  
**Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA**



## Sentiasa di atas

Kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa semakin meningkat dalam beberapa tahun ini.



## TAHUN YANG MEMECAHKAN REKOD

Dalam tahun yang mencabar bagi agensi promosi pelaburan di seluruh dunia, MIDA menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada kebanyakan agensi lain.

- 30 Bersedia lah semua
- 33 Tanda kualiti yang baharu
- 34 Perubahan dalam sektor perkilangan
- 36 Kebangkitan pelabur domestik
- 37 FDI terus bertahan menghadapi persekitaran luar yang lemah
- 38 Pelaburan yang diluluskan menjadi kenyataan
- 38 Bahagian yang lebih besar untuk semua orang
- 38 Sektor perkhidmatan memacu pelaburan
- 42 Mencipta nilai melalui perkhidmatan sokongan



**LANGKAH KEHADAPAN:** Ketua Pegawai Operasi Strand Aerospace Malaysia, Naguib Mohd Nor (kiri) mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Noharuddin Nordin (tengah) ke bilik operasi syarikat itu semasa lawatan ke syarikat tersebut.

# Bersedialah semua

*Malaysia terus meningkat naik dalam rantaian nilai.*

Tahun 2012 akan tercatat dalam sejarah MIDA sebagai tahun pertumbuhan transformatif. Inilah tahunnya bila agensi ini mula beroperasi sebagai "MIDA yang baharu", membolehkannya membuat keputusan dengan lebih cepat dan menyelaraskan agenda bagi semua agensi penggalakan pelaburan lain. Pada tahun ini juga MIDA mengorak langkah strategik untuk merangka dasar-dasar khusus bagi menggalakkan pembangunan pelaburan domestik dengan tujuan untuk mengubah landskap pelaburan domestik.

Hasilnya, MIDA menjadi lebih responsif, lebih terbuka dan lebih inovatif yang mampu mensinergikan semua pakej insentif negara yang pelbagai serta menerajui pelbagai agensi penggalakan ekonominya dalam

peratus lebih tinggi daripada sasaran tahun yang berjumlah RM 127.9 bilion.

Sebahagian besar daripada kejayaan MIDA dalam tahun laporan adalah disebabkan usaha-usaha Kerajaan sebelum ini untuk menjenamakan semula Malaysia sebagai pusat industri teknologi tinggi yang mempunyai nilai ditambah tinggi. Pada pertengahan 1990-an, negara telah mula membangunkan kumpulan bakat, meluluskan undang-undang yang akan membolehkan kolej dan universiti swasta melahirkan graduan dalam profesion teknikal untuk berkhidmat kepada asas perindustrian teknologi tinggi di Malaysia. Ini diikuti oleh Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan pada tahun 2006 yang memberi kuasa kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk

"Pelaburan berkualiti tinggi ini tidak selalunya ketara sebagai pelaburan modal tahap tinggi tetapi mempunyai **kesan penggandaan yang besar** dalam segenap ekonomi."

mencatat tahun pelaburan yang memecah rekod bagi negara. Malaysia menarik pelaburan berjumlah RM 162.5 bilion pada tahun 2012, satu rekod tertinggi yang dicatatkan dari segi pelaburan yang diluluskan. Pelaburan domestik menyumbang 78 peratus daripada angka ini dengan pelaburan asing membentuk selebihnya iaitu nisbah yang selaras dengan sasaran Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme*, ETP).

Satu lagi nisbah yang selaras dengan ETP adalah bahagian pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang berjumlah 72.4 peratus (RM 117.6 bilion). Pelaburan swasta yang direalisasikan pada tahun 2012 atau Pembentukan Modal Tetap Kasar (*Gross Fixed Capital Formation*, GFCF) berjumlah RM 139.5 bilion iaitu 9.1

menyelaraskan keperluan latihan tenaga kerja negara. Hasil daripada kedua-dua inisiatif ini adalah sekumpulan bakat baharu yang mampu memenuhi keperluan modal insan perbadanan multinasional (*multi-national corporations*, MNC) pada tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai. Malaysia bukan lagi menjadi destinasi yang kompetitif bagi aktiviti pemasangan berintensifkan buruh tetapi kerana wujudnya kumpulan bakat ini, banyak MNC telah mengembangkan operasi mereka di Malaysia. MNC juga mungkin memindahkan beberapa proses rantaian nilai yang lebih rendah kepada lokasi lain yang lebih murah seperti Vietnam dan China, tetapi mereka juga mendirikan operasi baru untuk aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi serta menawarkan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia.

Malaysia telah menerima pakai pendekatan yang lebih fokus dan bersasaran dalam menarik pelaburan asing berkualiti tinggi dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Pelaburan berkualiti tinggi ini tidak selalunya ketara sebagai pelaburan modal tahap tinggi tetapi mempunyai kesan penggandaan yang besar dalam segenap ekonomi. Objektif jangka panjang MIDA adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang menghasilkan produk dan idea-idea inovatif. Apabila industri pemasangan nilai ditambah yang rendah menjadi kurang penting, pemain industri dijangka mengurangkan pelaburan dalam sektor bernilai rendah dan meningkatkan aktiviti baharu bernilai ditambah tinggi yang akan membuka peluang-peluang baharu

untuk pertumbuhan. Penciptaan ekosistem perniagaan baharu ini akan menyokong pasaran bagi pekerjaan berkemahiran tinggi dan memacu pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi. Daya saing Malaysia yang berterusan bergantung kepada pengukuran sektor-sektor perlindungan dan perkhidmatan serta pemecutan peralihan negara ke arah industri bernalih ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi.

Ini amat jelas dalam industri E&E negara yang bergerak ke arah operasi berteknologi tinggi, bernalih tinggi selepas mengamalkan kerja dalam aktiviti pemasangan yang berintensifkan buruh selama empat

## Industri Malaysia yang paling menarik

Gabungan lapan industri teratas mengikut jumlah pelaburan menyumbang sebanyak RM 34.7 bilion atau 85 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Semua industri ini mencatatkan tahap pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2012 berbanding 2011 kecuali E&E, produk logam asas dan pemprosesan makanan.



## Prestasi MIDA pada tahun 2012

dekad. Pemain E&E baharu dan sedia ada sedang mempelbagaikan pelaburan mereka di negara ini, mengikuti jejak langkah gergasi industri iaitu Intel Malaysia yang menyambut ulang tahun ke-40 pada tahun 2012. Sejak pengilang besar cip komputer itu mula beroperasi pada tahun 1972, tapak perkilangan dan pemasangan seluas lima ekar di Pulau Pinang telah berkembang menjadi tapak pelbagai fungsi seluas 160 ekar termasuk juga pusat reka bentuk dan pembangunan serta perkhidmatan perkongsian di kampus-kampus berteknologi tinggi di Pulau Pinang dan Kulim.

Industri solar Malaysia juga akan mendapat manfaat daripada asas-asas mendalam dan pengalaman negara dalam elektronik. Rantaian nilai solar negara sudah lengkap, memenuhi keperluan huluan serta hiliran industri. Sebagai contoh, Panasonic iaitu sebuah syarikat yang telah lama melabur di Malaysia, baru-baru ini memindahkan semula sebahagian besar kapasiti pengeluarannya bagi modul solar dari Hungary dan Mexico ke loji fotovoltaik baharu miliknya yang bernilai RM 1.84 bilion di tapak seluas 28.35 ha di Kulim. Kemudahan baru itu akan menghasilkan

modul solar Panasonic HIT yang merupakan antara modul yang paling maju di dunia. Projek ini menyusul sejurus selepas keputusan Tokuyama Corp, syarikat peneraju produk kimia, untuk melabur RM 3 bilion bagi membina sebuah kilang silikon polihabluran di Samalaju, Sarawak.

Kematangan sektor E&E juga telah mewujudkan satu generasi baharu syarikat-syarikat tempatan yang memanfaatkan rantaian bekalan dan kumpulan bakat yang dihasilkan oleh syarikat MNC mega dan membangunkan penyelesaian inovatif mereka sendiri. Salah satu daripada syarikat itu adalah Advance Tech Communications Sdn Bhd yang telah membangunkan sebuah komputer mikro dengan sistem telefon bersepada yang menggunakan sistem pengendalian Windows 7. Syarikat ini kemudian telah menubuhkan perkongsian dengan TOP IT Industries Sdn Bhd, syarikat yang pakar dalam pemasangan dan pengilangan peranti pengkomputeran dan mudah alih yang canggih.

Rekod prestasi Malaysia yang mantap dalam pengilangan elektronik juga memberikannya asas yang kukuh dalam industri peralatan perubatan yang telah

dikenal pasti sebagai satu Bidang Ekonomi Utama Negara di bawah ETP. Terdapat kira-kira 190 pengeluar peralatan perubatan di negara ini yang menghasilkan pelbagai jenis produk termasuk kateter, sarung tangan perubatan, alat-alat implan, peranti ortopedik, peralatan dialisis dan pengimejan diagnostik. Syarikat-syarikat tempatan Malaysia yang membuat sarung tangan getah memenuhi kira-kira 60 peratus daripada permintaan dunia. Malaysia juga memegang kira-kira 80 peratus daripada pasaran global untuk kateter.

## Tanda kualiti yang baharu


Salah satu objektif utama MIDA pada tahun 2012 bukan sahaja meningkatkan bilangan dan nilai keseluruhan pelaburan, tetapi juga untuk menjenamakan semula Malaysia sebagai destinasi untuk pelaburan berkualiti. Dalam istilah MIDA, pelaburan ini merangkumi projek-projek yang berorientasikan eksport, penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia dan berintensifkan modal yang akan memberi kesan yang signifikan terhadap ekonomi.

Pada tahun 2012, MIDA telah meningkatkan usaha dalam menarik projek-projek yang berorientasikan eksport. Sebanyak 239 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM 15.2 bilion. Projek-projek ini dijangka akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluarannya (lihat Jadual 1). Malaysia akan sentiasa menjadi destinasi pilihan bagi projek-projek yang berorientasikan eksport berdasarkan infrastruktur, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan, serta industri sokongan yang cemerlang serta tenaga kerja mahir dan boleh dilatih. Oleh itu, negara dijangka akan berterusan menarik pelaburan berkualiti seumpama itu.

Pada tahun 2012 juga, MIDA berusaha menarik projek-projek yang akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti dalam negara pada masa ini dan hadapan. Sebanyak 6,442 projek yang diluluskan pada tahun 2012 dan dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan untuk 182,841 orang, di mana 56.4 peratus (103,180 pekerjaan) adalah dalam sektor perkhidmatan dan 41.9 peratus (76,631 pekerjaan) adalah dalam sektor perkilangan. Daripada 76,631

Industri	Nilai Projek (RM bil)	Bilangan Projek
Produk petroleum termasuk petrokimia	5	6
Kelengkapan pengangkutan	2.1	13
Produk E&E	1.6	52
Produk kimia & bahan kimia	1.2	11
Produk getah	1.1	8

Jadual 1 Industri Teratas dengan projek-projek yang berorientasikan eksport, 2012.



**BERTINDAK BETUL:** Eksekutif MIDA menjawab soalan daripada wartawan semasa taklimat awal media sebelum lawatan bersama pihak akhbar ke Pulau Pinang.

## Pelaburan bijak

Bose Corporation, peneraju AV premium, memilih Malaysia sebagai hab R&D dan pengeluaran.

Bose Corporation adalah pengeluar terkenal di dunia bagi elektronik premium yang mengkhusus dalam peralatan audio. Syarikat ini terkenal bagi pembesar suara, fon kepala *noise-cancelling* dan sistem bunyi automotif. Syarikat ini mempunyai kemudahan perkilangan di seluruh dunia dengan pusat R&D utama yang berpangkalan di Massachusetts, Amerika Syarikat. Syarikat ini mempunyai tenaga kerja global seramai sembilan ribu (9,000) dan mempunyai hasil sebanyak US\$ 2.5 bilion pada tahun 2012.

Syarikat Bose Corporation memilih Malaysia sebagai pusat R&D luar pesisir yang pertama serta hab pengeluaran bagi sistem audio premium. Syarikat akan terlibat dalam



merekabentuk, pembangunan dan pengilangan produk serta sistem audio/visual (AV) untuk aplikasi sistem bunyi, automotif dan profesional bagi pengguna. Syarikat itu juga akan membangunkan pejabatnya di Malaysia untuk menjadi hab pengedaran bagi produk pasaran Asia Pasifik dan Eropah.


Projek ini dianggarkan dapat menghasilkan peluang pekerjaan kepada 1,383 orang terutama pekerja mahir dan profesional dalam kejuruteraan. Penubuhan kemudahan ini akan menjadikan Malaysia sebagai tumpuan utama dalam bidang teknologi akustik termaju. Selain itu, kerjasama di antara Bose dan universiti tempatan akan meningkatkan pengetahuan teknikal graduan tempatan dalam teknologi akustik premium.

pekerjaan dalam sektor perkilangan, 73.5 peratus akan diwujudkan dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja mahir. Pelaburan dalam sektor utama pula akan mewujudkan 3,030 peluang pekerjaan.

Sepanjang tahun laporan, MIDA menerapkan pendekatan yang lebih fokus dan tertumpu ke arah pelaburan berkualiti yang berintensifkan modal. MIDA telah menarik tujuh projek dengan nilai pelaburan sekurang-kurangnya RM 1 bilion dan 73 projek bernilai sekurang-kurangnya RM 100 juta. Jumlah gabungan pelaburan berintensifkan modal pada tahun 2012 adalah RM 29.2 bilion - 71 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun laporan - dan projek-projek ini dijangka mempunyai kesan penggandaan yang besar ke atas sektor perkilangan dan ekonomi dengan melahirkan industri sokongan baru, mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan memindahkan teknologi baru serta

## Sumbangan yang lebih besar

Perniagaan Malaysia menyokong pertumbuhan ekonomi negara dengan melabur lebih banyak.




Rajah 1 Sumber pelaburan dalam projek-projek yang diluluskan, 2011

penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang akan memerlukan sumber dan kemahiran tempatan.

Hasil daripada pelaburan ini, pelaburan modal per pekerja (capital investment per employee, CIPE) bagi tahun 2012 meningkat kepada RM 536,336 dan telah menunjukkan trend yang meningkat semenjak nisbah itu mula-mula direkodkan pada tahun 1990. Industri dengan nisbah CIPE tertinggi pada tahun 2012 adalah produk petroleum termasuk petrokimia (RM 4,738,958) dan diikuti oleh bahan kimia dan produk kimia (RM 2,349,438) dan peralatan saintifik dan pengukuran (RM 1,134,442).

### Perubahan dalam sektor perkilangan

Kelembapan FDI global di sebahagian besar dunia telah memberi cabaran kepada Malaysia pada tahun 2012. Sejumlah 804 projek telah diluluskan yang



Rajah 2 Sumber pelaburan dalam projek-projek yang diluluskan, 2012

## Berbilion dalam bio

Industri sains hayat Malaysia menjadi aktif apabila syarikat bioteknologi memanfaatkan infrastruktur dan insentif pelaburan negara.

Tahun 2012 adalah tahun penentu bagi industri bioteknologi Malaysia apabila pelaburan ke dalam sektor itu melonjak kepada RM 2.9 bilion daripada RM 184.9 juta pada tahun sebelumnya.

Salah satu sebab di sebalik peningkatan besar dalam pelaburan ini adalah projek RM 1.15 bilion yang melibatkan konglomerat pelbagai Korea Selatan iaitu Cheil Jedang dan Arkema Asie SAS dari Perancis yang merupakan salah satu pengeluar bahan kimia yang terkemuka di dunia. Syarikat usaha sama CJ Bio Malaysia Sdn Bhd di Taman BioPolimer Kerteh, Terengganu adalah yang pertama di dunia yang menggunakan proses fermentasi dalam menghasilkan *L-metionine* iaitu sejenis asid amino yang biasa digunakan dalam pengilangan makanan haiwan bagi industri penternakan ayam itik. Kemudahan ini juga akan menyediakan kapasiti 50,000 tan kepada Arkema Asie SAS untuk mengeluarkan bahan kimia *DMDS thiochemicals* bernilai ditambah tinggi selain daripada *methyl mercaptan* yang terutamanya bagi pasaran gas dan petrokimia. Lebih 95 peratus daripada produk syarikat akan dieksport dan ia dijangka akan menjana peluang pekerjaan untuk 300 orang tempatan termasuk 25 dalam bidang-bidang sains dan teknikal. Lebih daripada 60 pekerja akan dibayar gaji melebihi RM 3,000.

Strovi Tel juga merupakan projek bioteknologi yang signifikan di Malaysia yang diluluskan pada tahun 2012. Loji yang bernilai RM 695.6 juta di Taman Teknologi Enstek, Negeri Sembilan adalah kemudahan pemeringkatan plasma yang pertama di rantau ASEAN dan akan mengeluarkan produk biofarmaseutikal plasma seperti albumin dan imunoglobulin untuk aplikasi terapeutik. Asas teknologi adalah daripada syarikat rakan kongsinya di Perancis dan juga akan melibatkan penyelidikan dalam keselamatan produk, meningkatkan jangka hayat produk, meningkatkan hasil pemeringkatan dan membangunkan produk baharu. Projek ini akan menawarkan peluang pekerjaan sebanyak



121 kepada pekerja berpengetahuan dan menyediakan peluang pekerjaan dan kerjaya bagi rakyat Malaysia dalam bidang fermentasi, kejuruteraan kimia, bioteknologi dan biologi molekul.

Satu lagi projek utama adalah Biocon, projek baharu oleh sebuah syarikat bioteknologi India untuk membangun dan mengeluarkan bahan biofarmaseutikal seperti insulin dan analog insulin dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 577 juta di Ekosistem Bio-Xcell, Iskandar Malaysia, Johor. Projek ini adalah kemudahan pengilangan dan pembangunan biofarma bersepadu yang pertama di Malaysia yang akan mematuhi standard amalan pengilangan baik semasa (*current good manufacturing practices*, cGMP) USFDA dan EMEA. Projek ini akan menawarkan 450 peluang pekerjaan.

Masa depan bagi sektor bioteknologi dan sains hayat Malaysia adalah cerah. Pada Konvensyen Antarabangsa BIO 2012 sahaja, empat kerjasama perniagaan telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat bioteknologi Malaysia dan global yang dijangka akan menarik pelaburan RM 3 bilion dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Sektor ini dijangka berkembang lagi apabila taman farmaseutikal Malaysia yang pertama disiapkan – Taman Farma Melaka dijangka menarik pelaburan RM 1.5 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang.

melibatkan pelaburan sebanyak RM 41.1 bilion, menurun 27 peratus berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, asas perkilangan yang kukuh dan pelbagai yang merentasi berbilang industri telah membantu kebanyakan subsektor mencatatkan peningkatan pelaburan kecuali E&E, produk logam asas dan produk mineral bukan logam.

Malah, di sebalik persekitaran pelaburan global yang mencabar, Malaysia telah menarik pelaburan baharu bernilai RM 26.8 bilion pada tahun 2012 (473 projek) yang merupakan 65.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Syarikat-syarikat



Malaysia juga terus berkembang dan mempelbagaikan operasi. Ini mencerminkan keyakinan yang berterusan daripada syarikat terhadap persekitaran pelaburan negara. Sebanyak 331 projek pembesaran / mempelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM 14.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2012.

### Kebangkitan pelabur domestik

Peningkatan pelaburan domestik di Malaysia dalam beberapa tahun ini merupakan satu perkembangan ekonomi yang penting memandangkan persekitaran pelaburan global yang lembap dan persaingan yang semakin meningkat untuk menarik pelabur asing. Adalah penting bagi perniagaan domestik untuk tampil ke hadapan dalam memacu transformasi ekonomi negara dan hasilnya pada tahun 2012 menunjukkan bahawa syarikat milik tempatan dapat menyahut cabaran itu. Pada tahun 2012, pelaburan domestik menyumbang 78 peratus daripada jumlah pelaburan (RM 127.6 bilion) meningkat daripada 56 peratus pada tahun 2011 (RM 86.6 bilion). Kebanyakannya adalah disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam aktiviti di sektor

perkhidmatan di mana pelaburan domestik meningkat dua kali ganda daripada RM 48.2 bilion pada tahun 2011 kepada RM 105.4 bilion pada tahun 2012.

### FDI terus bertahan menghadapi persekitaran luar yang lemah

Walaupun berhadapan cabaran persekitaran global, Malaysia masih kekal sebagai destinasi yang kompetitif bagi FDI di rantau ini. Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan berjumlah RM20.9 bilion pada tahun 2012 meliputi RM 12.6 bilion (60.6 peratus) projek baharu manakala baki RM 8.2 bilion (39.4 peratus) adalah dalam projek-projek yang melibatkan pembesaran atau mempelbagaian operasi sedia ada. Sumber-sumber utama pelaburan asing pada tahun 2012 adalah Jepun (RM 2.8 bilion), Arab Saudi (RM 2.6 bilion), Singapura (RM 2.2 bilion), Republik Rakyat China (RM 2 bilion) dan Republik Korea (RM 1.6 bilion). Kelima-lima negara ini menyumbang 53.8 peratus daripada jumlah pelaburan asing Malaysia yang diluluskan dalam tempoh tahun laporan.

Salah satu faktor penting untuk diperhatikan adalah pelaburan daripada Kesatuan Eropah (EU) yang berjumlah RM 4 bilion pada tahun 2012 iaitu 19.1 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tahun laporan. Malaysia merupakan rakan perdagangan barangan EU ke-23 terbesar pada tahun 2011. Perdagangan dua hala di antara EU dan Malaysia dikuasai oleh produk perindustrian yang menyumbang lebih 90 peratus daripada perdagangan keseluruhan. Eksport Malaysia ke EU telah meningkat secara berterusan sepanjang dekad yang lalu kecuali penurunan yang ketara semasa kemerosotan ekonomi 2008-2009.

### Pelaburan yang diluluskan menjadi kenyataan

Kerajaan berterusan melaksanakan pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu pelabur melaksanakan projek yang telah diluluskan. Di antara langkah-langkah tersebut,

## Popular di peringkat global

Kisah kejayaan syarikat tempatan, Globetronics Technology, menjadi terkenal dengan teknologi pengesan multiport generasi baru.

Globetronics Technology Bhd adalah syarikat Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (*Electronic Manufacturing Services, EMS*) tempatan yang mengkhusus dalam semikonduktor, LED encoders, hablur kuarza, peranti tentu masa, bahan kimia dan menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan IT. Ditubuhkan pada tahun 1990, syarikat itu diasaskan oleh dua teknologi-usahawan tempatan yang meninggalkan pekerjaan mereka di Intel untuk menjalankan pengilangan kontrak. Hari ini, Globetronics adalah vendor yang dipercayai dan terkenal di kalangan Pengeluar Rekabentuk Bersepadu (*Integrated Design Manufacturers, IDM*).

Sepanjang tempoh lima tahun bermula pada tahun 2012, syarikat itu akan melabur sebanyak RM 58.2 juta dalam projek baharu untuk menghasilkan pengesan *multiport proximity*. Projek ini adalah satu kejayaan bagi syarikat itu dan industri E&E tempatan memandangkan pengesan *multiport* adalah teknologi terkini dalam peranti pengesan untuk komputer, telekomunikasi dan aplikasi perubatan.

Teknologi *multiport* membolehkan penayangan tiga dimensi (3D) yang membolehkan imej berfungsi secara aktif melalui *interface* tanpa sentuhan. Peranti ini adalah yang pertama seumpamanya dalam teknologi pengesan dan optik dan Globetronics adalah syarikat pertama di dunia untuk menghasilkan peranti itu, menjadikannya sebagai peneraju untuk menjadi pembekal bagi syarikat-syarikat gergasi elektronik pengguna yang utama seperti Apple dan Samsung.

Projek ini merupakan kerjasama antara Globetronics dan sebuah firma R&D berpangkalan di Switzerland dan dijangka mewujudkan 71 peluang pekerjaan yang terutamanya terdiri daripada pekerja berpengetahuan.

MIDA telah melantik Pegawai Projek Khas (*Special Project Officers, SPO*) untuk menawarkan bimbingan kepada pelabur selain memperkenalkan perkhidmatan dalam talian bagi mengemukakan pelbagai kertas kerja yang diperlukan. Usaha-usaha ini telah banyak membantu dalam melancarkan pelaksanaan projek yang diluluskan.

Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, sejumlah 3,213 projek bernilai RM 147.2 bilion telah dilaksanakan daripada 4,245 projek perkilangan yang telah diluluskan. Projek-projek yang dilaksanakan meliputi pelbagai industri daripada pengilangan E&E sehingga peralatan pengangkutan. Sebanyak 3,005 projek telah memulakan pengeluaran setakat 31 Disember 2012 dan 208 projek adalah dalam peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Di samping itu, 76 projek dengan pelaburan sebanyak RM 18.2 bilion telah memperolehi tapak untuk pembinaan kilang manakala 783 projek (RM 52.7 bilion) adalah dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 859 projek ini direalisasikan, pelaburan keseluruhan projek-projek ini akan berjumlah RM 70.9 bilion.

## Bahagian yang lebih besar untuk semua

Usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi di kalangan negeri-negeri di Malaysia dan mengagihkan peluang perniagaan dan pekerjaan secara lebih saksama terus menunjukkan keputusan yang memberangsangkan. Lima koridor ekonomi negara telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM 21.2 bilion dalam sektor perkilangan yang merupakan 51.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan sektor tersebut. Trend pengagihan ini akan membawa kepada pembangunan ekonomi yang lebih seimbang di seluruh negara dan memastikan semua rakyat Malaysia akan turut mendapat faedah daripada hasil ekonomi.

Sementara pecahan pelaburan mengikut negeri, Selangor menerima jumlah pelaburan terbesar yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2012 (RM 11.7 bilion), diikuti oleh Johor (RM 5.5 bilion), Sabah (RM 5 bilion), Sarawak (RM 4.7 bilion) dan Negeri Sembilan (RM 2.7 bilion). Gabungan kelima-lima negeri ini menyumbang 72 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2012.



**KAWALAN KETAT:** Seorang wartawan diambil gambarnya sebagai demonstrasi produk oleh Muehlbauer Technologies Sdn Bhd semasa lawatan media ke kilang yang dianjurkan oleh MIDA.

Daripada segi bilangan projek yang diluluskan, tiga negeri yang ternyata paling popular di kalangan pelabur, menarik sejumlah 69 peratus daripada keseluruhan projek yang diluluskan adalah Selangor (252 projek), Johor (184 projek) dan Pulau Pinang (115 projek). Kebanyakan projek ini melibatkan kemudahan pengilangan yang bernilai tinggi.

## Sektor perkhidmatan memacu pelaburan

Usaha Kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia terus membawa hasil pada tahun 2012. Sektor ini dijangka akan terus memperluaskan sumbangannya kepada ekonomi bagi dekad ini. Sektor perkhidmatan merupakan pelaburan diluluskan yang terbesar ke dalam ekonomi pada tahun lalu (RM 117.6 bilion), 67 peratus lebih tinggi daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM 70.4 bilion pada tahun 2011. Pelaburan domestik sebanyak RM 105.4 bilion (2011: RM 48.2 bilion) mewakili 90 peratus daripada pelaburan sementara bakinya adalah pelaburan asing.

## Olé, Olé, Oleo!

Industri oleokimia Malaysia bersedia untuk meningkatkan Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area, NKEA) Minyak Sawit di bawah ETP.

Malaysia merupakan salah satu pengeluar yang terkemuka di dunia bagi oleokimia asas dan pengekspor bersih bagi asid lemak, alkohol lemak, *methyl esters* dan glicerin. Program Transformasi Ekonomi mengenal pasti tujuh peneraju EPP di bawah NKEA Minyak Sawit. Dua daripada syarikat tersebut telah memulakan projek pada tahun 2012.

Projek pertama adalah Unileon Sdn Bhd, satu usahasama antara peneraju EPP, United Plantations Bhd, dan Oleon NV, kumpulan oleokimia terbesar di Eropah. Oleon NV mempunyai kilang pengeluaran di Belgium, Jerman, Norway dan Perancis, menukar bahan mentah boleh diperbaharui kepada 500,000 tan asid lemak, ester, glicerin, dimer dan produk-produk istimewa lain yang dieksport ke lebih 100 buah negara di seluruh dunia. Kilang usahasama baharu di Pulau Indah di Pelabuhan Klang, Selangor akan menghasilkan pengemulsi makanan dan ester semula jadi untuk pelbagai aplikasi. Syarikat ini telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada hampir 45 rakyat Malaysia dan akan memainkan peranan penting dalam memindahkan pengetahuan teknologi pemprosesan oleokimia Eropah ke Malaysia.

Peneraju EPP lain yang mencipta kejayaan pada tahun 2012 adalah Emery Oleochemicals yang berpangkalan di Malaysia, yang telah bekerjasama dengan gergasi barang pengguna, Kumpulan Aekyung, untuk menghasilkan *non-petrochemical based surfactants*. Emery adalah peneraju dalam bahan kimia semula jadi yang berkualiti tinggi dan usaha sama syarikat itu dengan Aekyung (Emery Aekyung Sdn Bhd) akan melibatkan pengeluaran *palm oil-based oleochemicals surfactants* untuk digunakan dalam produk bahan pencuci bagi pengguna Aekyung di bawah jenama Trio, Point dan Kerasys. Pada masa ini, kebanyakan bahan pencuci dibuat dengan *petrochemical based surfactants* seperti alkohol



dan glikol, *linear alkylbenzene sulfonate* dan *linear alpha olefins*.

Usahasama itu akan menjana sinergi yang penting bagi kedua-dua Kumpulan Emery dan Kumpulan Aekyung yang mempunyai asas pasaran yang mantap bagi barang pengguna di Korea. Seperti Unileon, projek ini juga akan melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan perumusan ke Malaysia. Apabila perniagaan berkembang, projek itu akan menilai bidang yang berpotensi untuk pelaburan dalam memberi khidmat yang lebih baik dalam pasaran.

Kedua-dua projek berteknologi tinggi ini adalah selaras dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit kerana ia akan membantu mengalih tumpuan industri minyak sawit hilir ke arah melahirkan derivatif oleo bernilai lebih tinggi dan melindungi industri hulu dari kejutan harga komoditi. Kebanyakan produk-produk siap adalah untuk pasaran eksport dan akan menjana peluang pekerjaan untuk pakar peralatan perkilangan dan jurutera industri Malaysia.

## Prestasi MIDA pada tahun 2012


MIDA meluluskan 5,536 projek pada tahun 2012 yang dijangka akan menjana 103,180 peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Walaupun India merupakan lokasi global yang terkenal bagi IT, BPO dan penyumberan luar proses pengetahuan (*knowledge process outsourcing*, KPO), Malaysia dianggap sebagai lokasi alternatif yang utama bagi R&D dan pembangunan perisian. Malah, sejak mula ditubuhkan pada tahun 2004, Indeks Lokasi Perkhidmatan Global A.T. Kearney™ telah meletakkan Malaysia sebagai destinasi ketiga paling menarik bagi mendapatkan perkhidmatan global luar pesisir selepas China dan India<sup>1</sup>. Perubahan dalam gaji dan mata wang yang disebabkan oleh krisis kewangan

<sup>1</sup> Indeks Lokasi Perkhidmatan Global A.T. Kearney™.

## Agihan untuk semua

Bukan sahaja pelaburan semakin meningkat, tetapi ia juga diagihkan lebih sama rata di kalangan rakyat Malaysia.



telah membawa perubahan besar kepada kedudukan 50 negara lain dalam kajian tahunan itu. Walau bagaimanapun, kumpulan bakat yang besar dan kelebihan kos di Malaysia terus menjadikannya pilihan utama di kalangan syarikat-syarikat yang mencari lokasi luar pesisir untuk fungsi hos perniagaan seperti perkhidmatan dan sokongan IT, pusat perhubungan dan sokongan pejabat.

Infrastruktur dan rangkaian logistik di Malaysia adalah setanding dengan Hong Kong dan Singapura pada kadar keberkesanan kos yang ketara. Menurut laporan *Prime Office Occupancy Costs* bagi Disember 2012 oleh CBRE, Central Hong Kong mempunyai ruang pejabat yang paling mahal di dunia pada tahun 2012 (US\$ 246.30 per kaki persegi), diikuti oleh London,

Tokyo, Beijing dan CBD New Delhi. Singapura berada di tempat ke-19 pada US\$ 104.66 setiap kaki persegi, lebih daripada dua kali ganda kos ruang pejabat di Kuala Lumpur (US\$ 47.06 per kaki persegi). Malah, sebuah syarikat studio kecergasan yang memindahkan ibu pejabat serantau ke Malaysia dari Hong Kong menganggarkan bahawa syarikat kini membayar kurang 30 peratus untuk ruang pejabat dan kakitangan yang menjimatkannya RM 3 juta setahun.

Pada 31 Disember 2012, terdapat 3,168 projek pertubuhan serantau yang diluluskan di Malaysia, termasuk 231 Ibu Pejabat Operasi (*Operational Headquarters*, OHQ), 232 Pusat Perolehan Antarabangsa (*International Procurement Centres*, IPC), 28 Pusat Pengedaran Serantau (*Regional Distribution Centres*, RDC), 870 Pejabat Serantau dan 1,807 Pejabat Perwakilan. Pada tahun 2012, sebanyak 111 projek pertubuhan serantau yang baharu telah diluluskan untuk ditubuhkan di Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM 2.03 bilion. Operasi-operasi ini akan mewujudkan sebanyak 1,041 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia terutamanya di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Putus-putus perolehan dan pengedaran serantau melaksanakan pengurusan rantaian bekalan bagi operasi pengeluaran pemilik mereka di Malaysia dan di luar negara. Pelaburan ini boleh memberi kesan penggandaan yang besar ke atas ekonomi Malaysia dengan merangsang pertumbuhan perkhidmatan lain seperti logistik dan perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2012, sejumlah 14 ibu pejabat serantau telah diluluskan dengan

pelaburan yang dicadangkan (perbelanjaan mengurus) berjumlah RM 1.2 bilion, dijangka menyumbang RM 88.2 juta kepada PNK negara dan mewujudkan sebanyak 578 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Banyak syarikat yang telah menubuhkan IPC di Malaysia telah mempelbagaikan aktiviti mereka untuk melibatkan pengurusan rantaian bekalan untuk menyokong operasi pengeluaran syarikat di rantau ini. IPC tersebut juga meningkatkan daya saing syarikat dengan menggalakkan sinergi di kalangan loji perkilangan dan di antara kemudahan infrastruktur dan sokongan umum, menjadikan keseluruhan proses perkilangan lebih menjimatkan kos dan efisien. Sembilan projek IPC telah diluluskan pada tahun 2012 yang melibatkan pelaburan sebanyak RM 566 juta, tiga daripadanya telah diluluskan dengan insentif. Projek-projek ini telah menyumbang kira-kira RM 496.5 juta kepada PNK dan dianggarkan mempunyai perolehan jualan tahunan sebanyak RM620 juta. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 132 rakyat Malaysia terutamanya dalam kategori



pengurusan, teknikal dan mahir serta akan memperoleh produk bernilai RM 1.0 bilion daripada syarikat-syarikat tempatan.

Pada tahun 2012, satu RDC telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM 111.7 juta dan perolehan jualan tahunan sebanyak RM 51.1 juta. RDC yang diluluskan itu adalah sebuah syarikat Taiwan yang terlibat dalam reka bentuk dan pembangunan litar bersepadu. RDC ini akan mengedarkan produk separa siap dan siap daripada kumpulan syarikatnya di bawah jenama PENDRIVE kepada pelanggan mereka di dalam negara dan juga di Amerika Syarikat, Eropah dan seluruh Asia.

Setakat ini MIDA telah meluluskan enam projek yang menjadikan Malaysia sebagai Hab Operasi Global. Projek-projek pelaburan ini mempunyai pelaburan besar dengan kesan sampingan yang signifikan ke atas ekonomi.



## Mencipta nilai melalui perkhidmatan sokongan

Perkhidmatan sokongan seperti tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan / penjimatan tenaga, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta logistik dan kemudahan rangkaian sejuk adalah antara aktiviti perkhidmatan yang kini digalakkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan tambahan nilai dalam sektor perkilangan Malaysia. Pembekal perkhidmatan yang menjalankan aktiviti ini layak memohon insentif cukai dalam bentuk Taraf Perintis (*Pioneer Status, PS*) dan Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance, ITA*) bagi tempoh 5 hingga 10 tahun.

Pada tahun 2012, sebanyak 56 projek perkhidmatan sokongan telah diberi insentif cukai yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM 518.4 juta. Pelaburan domestik terus mendominasi sektor perkhidmatan sokongan (RM 470.3 juta) manakala pelaburan asing berjumlah RM 48.1 juta. Projek-projek ini akan mewujudkan 983 peluang pekerjaan.

## Malaysia, sedia berkhidmat

2012 akan diingati kerana siri pengumuman berprofil tinggi oleh syarikat-syarikat perkhidmatan global terkemuka yang akan menjadikan Malaysia sebagai ibu pejabat serantau mereka.

Kedudukan Malaysia di tempat kelapan antara 18 negara di tahap keseluruhan bagi kecanggihan perkhidmatan oleh Indeks Pembangunan Perkhidmatan (*Service Development Index, SDI*) dalam Laporan Perkhidmatan Pengembangan Pasaran Global Kedua mencerminkan populariti negara ini yang meningkat sebagai destinasi bagi hab operasi serantau dan global di kalangan MNC dan syarikat-syarikat besar. Satu lagi kajian oleh Price Waterhouse Coopers (PWC) Malaysia mengesahkan penemuan SDI bahawa Malaysia sentiasa menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat multinasional yang ingin menubuhkan ibu pejabat mereka di rantau ini.

Frost & Sullivan yang merupakan pelabur yang telah lama bertapak di Malaysia juga berpendapat sedemikian. Firma penyelidikan dan perunding pasaran global itu membuka Pusat Inovasi Global (*Global Innovation Centre, GIC*) bagi Kecemerlangan di Nusajaya pada tahun 2012 dan telah mengikat janji untuk melabur lebih RM 500 juta lagi dalam tempoh tujuh tahun akan datang untuk menubuhkan satu lagi pusat di Iskandar Malaysia. Pejabat syarikat yang berusia 12 tahun di Kuala Lumpur itu merupakan yang terbesar di luar India dan kini menggaji 130 pekerja. Penubuhannya di Iskandar Malaysia dijangka menyediakan peluang pekerjaan kepada 830 orang menjelang tahun 2020.

Sementara itu, gergasi perkhidmatan medan minyak Schlumberger Ltd mengumumkan bahawa ia akan menubuhkan hab serantaunya di Kuala Lumpur seperti mana yang dilakukan oleh syarikat perkhidmatan medan minyak nombor dua di dunia, Halliburton. Halliburton akan menubuhkan pusat teknikal dan perniagaan serantau di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada penilaian dan pembangunan sumber syal negara. Kemudahan



yang bernilai RM 250 juta itu akan menggaji kira-kira 150 rakyat Malaysia dan 30 warga asing bersama-sama dengan 180 pekerja mahir dalam pelbagai bidang. Sekurang-kurangnya 97 peratus daripada pekerja Halliburton di Malaysia dijangka akan menerima gaji lebih daripada RM 4,000 sebulan.

Darden Restaurants Inc juga telah memilih Malaysia sebagai pusat pengurusan serantau dan hab operasinya. Syarikat ini memiliki dan mengendalikan lebih daripada 2,000 restoran di Amerika Utara, menjana jualan tahunan lebih US\$ 8.0 bilion. Hab di Kuala Lumpur itu merupakan usaha niaga pertama Darden di luar Amerika Syarikat. Darden juga telah memilih Semporna, Sabah sebagai lokasi untuk Taman Akuakultur Udang Karang Bersepadu yang pertama di dunia yang akan menampilkan sebuah pusat R&D, pusat penetasan dan kemudahan pertumbuhan bagi *king lobsters*. Projek RM 4.9 bilion itu dijangka menggaji 8,717 rakyat Malaysia apabila siap.

Di bahagian utara, IHS Inc memilih Pulau Pinang untuk Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence, COE*) serantauannya dan sebagai platform untuk membolehkan pertumbuhan berskala bagi rantau Asia Pasifik. Syarikat ini akan menjalankan aktiviti operasi dan perkhidmatan sokongan dalam bidang-bidang yang merangkumi operasi maklumat dan pemahaman, pusat panggilan, kewangan, IT dan pengurusan data. Pejabat yang bernilai RM 207 juta itu akan menggaji kira-kira 1,025 rakyat Malaysia dan 39 pekerja asing di samping 177 pekerja mahir. Kira-kira 17 peratus daripada tenaga kerja syarikat dijangka akan memperoleh gaji lebih daripada RM 3,000 sebulan.

**a) Tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga**

Penjimatan tenaga dan penggunaan tenaga secara lebih cekap adalah penting untuk memelihara alam sekitar dan bagi mencapai pembangunan lestari. Menjelang tahun 2015, Kerajaan menyasarkan untuk mendapatkan 5.5 peratus daripada jumlah gabungan penjanaan elektrik negara (985MW) daripada tenaga boleh diperbaharui. Untuk memudahkan peralihan ini, Kerajaan telah mewujudkan mekanisme Tarif Galakan (*Feed-in Tariff, FiT*) untuk membenarkan penjualan elektrik yang dihasilkan daripada sumber boleh diperbaharui asli dalam membekalkan tenaga kepada kemudahan awam bagi tempoh yang tertentu.

Sumber-sumber boleh diperbaharui yang utama bagi penjanaan tenaga adalah biomas, mini-hidro,

Bagi komuniti perniagaan, syarikat-syarikat boleh memanfaatkan insentif cukai serta pengecualian duti import dan cukai jualan yang tertakluk kepada garis panduan semasa untuk aplikasi ini. Pada tahun 2012, sejumlah 17 projek penjimatan /kecekapan tenaga telah diberi insentif cukai. Jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM 1,009.9 juta yang mana 74.5 peratus adalah pelaburan domestik.

**b) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

Pada tahun 2012, sembilan projek R&D telah diluluskan dan diberi insentif cukai dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 243.2 juta. Daripada jumlah ini, RM 157.9 juta (65 peratus) adalah pelaburan asing manakala baki RM 85.3 juta (35 peratus) adalah pelaburan domestik.

Lima projek adalah projek kontrak R&D bagi industri

“Sumber-sumber boleh diperbaharui yang utama untuk penjanaan tenaga adalah **biojisim, mini-hidro, solar dan angin**.”

solar dan angin. Biomas dan solar digunakan secara meluas dalam sektor RE dengan menyumbang 90 peratus daripada sumber tenaga boleh diperbaharui negara. Pada tahun 2012, sejumlah 33 projek tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan yang bernilai RM 1,192.1 juta iaitu hampir tiga kali ganda berbanding tahun sebelumnya (2011: RM 424.4 juta). Kebanyakan pelaburan ini adalah daripada sumber domestik (83.7 peratus). Daripada 33 projek yang diluluskan, 20 projek akan menggunakan tenaga solar dan 13 projek akan menggunakan biomas dan biogas.

Selain mempromosikan eksplotasi dan pembangunan sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui negara, Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan industri dan pengguna supaya mengamalkan konsep hijau dengan menggunakan peralatan dan produk cekap tenaga. Pada tahun 2012, rebat telah diberikan untuk menggalakkan isi rumah kelas pertengahan untuk membeli peralatan cekap tenaga di bawah program Kelestarian yang Dicapai melalui Kecekanan Tenaga (*Sustainability Achieved via Energy Efficiency, SAVE*).

penjagaan kesihatan dan teknologi air hijau, manakala empat lagi projek adalah untuk aktiviti R&D dalam yang terdiri daripada pembangunan kereta sport oleh Hicom Potenza Sports Cars Sdn Bhd; teknologi struktur dai termaju dan reka bentuk substrat oleh SCG Industries Malaysia Sdn Bhd; dan pembangunan substrat *brake disc* oleh Kobe Precision Technology Sdn Bhd.

**c) Logistik dan kemudahan rangkaian sejuk**



Perkhidmatan logistik bersepadu (*Integrated Logistics Services, ILS*) merangkumi penghantaran barang, penggudangan, pengangkutan dan perkhidmatan bernilai ditambah lain yang berkaitan seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rangkaian bekalan yang dilaksanakan secara bersepadu. Pada tahun 2012, lima syarikat telah diluluskan insentif untuk projek-projek pembesaran ILS. Syarikat-syarikat ini mencebur penghantaran barang, penggudangan, pengangkutan dan pengedaran serta perkhidmatan bernilai ditambah seperti pembungkusan, pembungkusan semula dan pelabelan semula dengan pelaburan sebanyak RM 328.7 juta.

Sesebuah syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu dan lancar (pintu ke pintu) di sepanjang rantaian nilai logistik sebagai entiti tunggal pada peringkat serantau atau global boleh diberikan status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services, IILS*) dan diberikan Lesen Ejen Kastam. Pada tahun 2012, empat syarikat telah diluluskan status IILS yang akan membolehkan mereka untuk mengembangkan aktiviti mereka di peringkat global dan bersaing dengan lebih efektif dengan MNC yang tertubuh di rantau ini.

Sementara itu, sebuah syarikat milik penuh Malaysia telah diluluskan untuk menyediakan kemudahan bilik sejuk untuk produk mudah rosak dari peladang, penternak serta nelayan tempatan. Kemudahan ini juga menawarkan aktiviti-aktiviti bernilai ditambah yang lain seperti pencucian, pengupasan, penggredan, pembekuan dan pembungkusan produk yang mudah rosak untuk memberikan nilai yang lebih tinggi kepada pelanggannya. ■

## Baru dan pembesaran

Pelaburan dalam projek-projek greenfield dan brownfield kedua-duanya meningkat pada tahun 2012.



## MIDA DI LAPANGAN

Pegawai MIDA menjelajah ke seluruh pelusuk rantau untuk membentangkan usul “ekosistem” Malaysia ke mata dunia.

- 48 Kesan ekosistem
- 49 Memenangi hati pelabur asing
- 50 Semangat ASEAN
- 53 Meningkatkan perdagangan antarabangsa
- 54 Memupuk pelabur domestik
- 56 Liputan media dan ekspo
- 57 Pembangunan sumber manusia



KAMI MELAKUKANNYA DENGAN LEBIH BAIK: Wakil daripada VisDynamics Research di Melaka menjelaskan kelebihan teknikal syarikat itu berbanding pesaingnya semasa lawatan media yang dianjurkan oleh MIDA.

# Warga global

Mengekalkan peranan Malaysia sebagai lokasi pelaburan utama.

**M**IDA menerima lebih daripada 1,000 pertanyaan daripada syarikat-syarikat asing dan tempatan yang berminat untuk melabur dalam pelbagai sektor ekonomi Malaysia pada tahun 2012. Fokus bagi tahun ini adalah untuk menggunakan pendekatan "ekosistem" baharu yang memenuhi keperluan pelabur dan untuk menjana pelaburan berkualiti dalam teknologi baharu dan yang baharu muncul. Untuk tujuan ini, pegawai-pegawai MIDA melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mempromosi dan menarik pelaburan ke Malaysia dari sumber-sumber asing. MIDA juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mengenal pasti bakat dan kemahiran yang diperlukan oleh industri dalam sektor ekonomi utama serta dalam diaspora warganegara Malaysia yang berkemahiran di luar negara.

Program-program yang dijalankan termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan, Mesyuarat Meja Bulat dan Seminar Mini, Misi Projek Khusus, Seminar / Forum / Dialog Antarabangsa dengan dewan perniagaan asing serta iklan dan advertorial. Program-program ini menjurus ke arah menarik pelaburan baharu serta menggalakkan pelaburan semula (pembesaran dan pemelbaagan), terutamanya dalam industri-industri berteknologi tinggi, berintensif modal, berintensif pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi. MIDA juga menjalankan tinjauan pelan pelaburan korporat untuk mengenal pasti keberkesanan pelbagai program organisasi ini sepanjang tahun kebelakangan bagi menggalakkan pelaburan.

## Kesan ekosistem

MIDA telah menggariskan beberapa strategi baharu untuk menggalakkan pelaburan ke arah mencapai agenda pelaburan negara sejarah dengan perancangan Transformasi Ekonomi. Strategi-strategi yang paling ketara akan melibatkan pemanfaatan pendekatan



**EROPAH MENGGAMIT:** Federal Councillor Johann N. Schneider-Ammann, Head of the Federal Department of Economic Affairs of Switzerland, on behalf of the EFTA States, mengal-uakan para peserta ke majlis taklimat mengenai peluang-peluang perdagangan ketika Malaysia dan Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA) memulakan rundingan bagi perjanjian perdagangan bebas.

ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dan membangunkan industri yang disasarkan.

Pendekatan ekosistem adalah satu pendekatan bersepudu dan menyeluruhan untuk menggalakkan keseluruhan rantaian nilai kelompok industri. Ia memberikan pemahaman dalam aktiviti bernilai tinggi dan sampingan yang mana kedua-duanya merupakan prasyarat untuk rantaian hulu dan hilir. Adalah penting untuk mengenal pasti peluang-peluang yang boleh dipromosikan bagi mengukuhkan lagi rantaian nilai kluster industri tertentu dan memudahkan proses membuat keputusan mengenai produk disasarkan yang dikenal pasti sebagai penghubung yang penting.

# Cinta dari Eropah

Eurocor, sebuah syarikat teknologi sains hayat Eropah, memanfaatkan ekosistem peralatan perubatan di Malaysia.

Eurocor adalah perbadanan teknologi sains hayat Eropah yang mengkhusus dalam penyelidikan, pembangunan dan perkilangan produk kardiovaskular dan endovaskular intervensi. Syarikat itu menyediakan pakar perubatan intervensi dengan teknologi sten koronari inovatif dan peranti kardiovaskular dan endovaskular khas.

Eurocor Asia Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2010. Loji baharu syarikat bernilai RM 39 juta di Gelang Patah, Johor akan mengeluarkan kateter angioplasti dan sten



koronari untuk pesakit jantung dan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Kemudahan baharu ini adalah projek berintensif pengetahuan dan penyelidikan serta dijangka menjana 182 pekerjaan, kira-kira 40 peratus daripadanya akan menikmati gaji melebihi RM3,000.

Eurocor Asia Sdn Bhd merancang untuk mengeksport 95 peratus daripada produknya ke Eropah, Asia Tenggara dan Timur Tengah.

peluang pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pemadanan perniagaan dan sesi perangkaan. Selain misi penggalakan pelaburan umum ini, MIDA juga telah menganjurkan 28 misi projek khusus di luar negara pada tahun 2012 untuk menyasarkan syarikat-syarikat terpilih di pelbagai negara (lihat Lampiran). Misi-misi ini kebanyakannya memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan teknologi tinggi, berintensif modal dan industri yang mempunyai bernilai ditambah yang tinggi.

Menyediakan maklumat terkini kepada pelabur merupakan komponen utama bagi aktiviti promosi pelaburan. MIDA telah menganjurkan beberapa seminar, mesyuarat meja bulat, mesyuarat peribadi dan lawatan ke syarikat-syarikat pada tahun 2012 sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia dan timbalannya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan timbalan-timbalannya serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIDA. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi maklumat terkini kepada pemimpin-pemimpin perniagaan mengenai peluang perniagaan dan perkembangan ekonomi terkini di Malaysia. MIDA juga telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam empat seminar, forum dan taklimat antarabangsa pada tahun 2012 sebagai sebahagian

## Memenangi hati pelabur asing

Dalam usaha untuk meningkatkan aliran masuk FDI yang berkualiti dan berterusan, MIDA menganjurkan dan menyertai tujuh misi promosi pelaburan di luar negara pada tahun 2012 (lihat Lampiran). Misi-misi ini disertai oleh pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia termasuk pegawai-pegawai daripada Kerajaan Negeri dan koridor ekonomi serantau serta wakil-wakil daripada sektor swasta.

Objektif utama misi promosi pelaburan adalah untuk memberi maklumat terkini kepada pelabur asing terhadap iklim perniagaan di Malaysia sambil meningkat dan menggalakkan peluang perniagaan dan perkongsian. Misi MIDA pada tahun 2012 termasuk seminar khusus mengenai peluang-

## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

daripada strategi pelaburan, inisiatif perangkaian dan program-program kesedaran awam.

MIDA juga telah mengadakan taklimat untuk delegasi asing, sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi-agensi Kerajaan untuk memaklumkan tentang dasar-dasar, insentif dan persekitaran perniagaan terkini di Malaysia kepada mereka. Pada tahun 2012, MIDA telah dikunjungi oleh lebih daripada 250 delegasi dan kumpulan pelabur dari luar negara. MIDA memberi taklimat mengenai dasar, kemudahan, insentif dan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kunjungan-kunjungan ini telah disertai oleh kementerian, jabatan dan Kerajaan Negeri lain serta koridor ekonomi serantau dan sektor swasta.

“Pada tahun 2012, MIDA telah dikunjungi oleh lebih daripada 250 delegasi dan kumpulan pelabur dari luar negara.”

## Semangat ASEAN

Mana-mana wilayah ekonomi tidak boleh membangun secara bersendirian dan kejayaan Malaysia selama ini adalah kerana kedudukannya yang dihormati dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN).

Integrasi ASEAN di peringkat ekonomi global diteruskan melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas (*Free Trade Agreements, FTAs*) dan perjanjian perkongsian ekonomi yang menyeluruh (*Comprehensive Economic Partnership, CEP*) dengan beberapa rakan dialog dan rakan dagangan utama. ASEAN juga melancarkan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*) antara ASEAN dan Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand. Kumpulan ini mewakili lebih daripada 3.4 bilion penduduk, gabungan KDNK sebanyak US\$ 17.23 trilion dan 43.9 peratus daripada perdagangan dunia.



**BEGINILAH RANCANGANNYA:** Eksekutif MIDA memberi taklimat kepada wartawan pada hari pertama lawatan media ke Melaka.

Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community, AEC*) adalah langkah seterusnya dalam integrasi ekonomi. Ia bertujuan untuk menjadikan ASEAN sebagai satu pasaran dan pengkalan pengeluaran tunggal menjelang 2015. AEC dicirikan oleh empat tonggak: pasaran dan pengkalan pengeluaran tunggal, rantau ekonomi yang amat berdaya saing, rantau pembangunan ekonomi yang saksama dan rantau yang berintegrasi dengan ekonomi global. Pelbagai langkah dan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mencapai matlamat AEC wujud dalam setiap satu daripada empat tonggak ini.

Menarik aliran masuk FDI adalah satu matlamat penting dalam AEC dan juga akan memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan usaha-usaha integrasi ASEAN. Malah, merangsang aliran masuk FDI dengan cara mengurangkan kos perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti multinasional di rantau ini sentiasa menjadi matlamat utama bagi kerjasama ekonomi ASEAN.

Aliran masuk FDI telah menjadi amat penting kepada strategi pembangunan pandang ke luar dalam

ekonomi global kontemporari. Menurut UNCTAD, aliran masuk FDI ke ASEAN menurun sebanyak 7.3 peratus kepada AS \$ 106.5 billion pada 2012 daripada US \$ 115.0 billion pada tahun 2011 disebabkan oleh keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Integrasi ekonomi adalah satu strategi yang baik bagi ASEAN untuk meningkatkan kekuatan dalamannya dalam menghadapi persekitaran yang mencabar ini. Pada masa yang sama, ASEAN perlu mengukuhkan persekitaran makroekonomi dan iklim pelaburannya dengan mengimbangi aliran masuk dan keluar FDI.

AEC adalah penting bagi ASEAN berikutkan peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi rantau ini. Integrasi akan meningkatkan kemakmuran dan kestabilan ekonomi serantau dan mengurangkan jurang pembangunan di kalangan ahli-ahli. Komitmen ini diperkuatkan lagi dengan termeterainya Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (*ASEAN Comprehensive Investment Agreement, ACIA*), Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (*ASEAN Trade in Goods Agreement*,

ATIGA) dan Perjanjian Kerangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (*ASEAN Framework Agreement in Services, AFAS*).

Dalam bidang liberalisasi perkhidmatan, negara-negara anggota telah memuktamadkan lapan pakej komitmen liberalisasi perkhidmatan di bawah Perjanjian Kerangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS), menekankan komitmen anggota ASEAN untuk berusaha ke arah aliran perkhidmatan yang bebas menjelang tahun 2015. Pakej ini menyediakan sekurang-kurangnya 80 subsektor perkhidmatan dengan kadar liberalisasi yang tinggi dan membenarkan penyertaan ekuiti asing sekurang-kurangnya 70 peratus bagi sektor keutamaan dan 51 peratus bagi sektor-sektor lain.

Sementara itu, Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) mula berkuat kuasa pada 29 Mac 2012 dan akan mengukuhkan lagi matlamat untuk menjadikan pelaburan sebagai pemacu utama



**TAHUN YANG MEMBERANGSANGKAN:** YB Dato Sri Mustapa Mohamed (kiri), menerima Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia 2011 daripada Pengurus MIDA pada ketika itu, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob. Tan Sri Amirsham Abdul Aziz menggantikan Tan Sri Dr. Sulaiman sebagai Pengurus MIDA pada 29 Mei 2012.

## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

bagi integrasi dan pembangunan ekonomi ASEAN. ACIA adalah seimbang dalam fokusnya. Liberalisasi pelaburan adalah secara progresif dengan tujuan ke arah mencapai persekitaran pelaburan yang bebas dan terbuka di rantau ini yang selaras dengan matlamat AEC di samping menyediakan fleksibiliti untuk Negara Anggota.

Peruntukan komprehensif ACIA akan meningkatkan perlindungan pelaburan dan menambah keyakinan pelabur untuk melabur di rantau ini. Ia akan menggalakkan lagi pembangunan pelaburan intra ASEAN terutamanya di kalangan syarikat multinasional yang berpangkalan di ASEAN melalui pemberian kerjasama dan pengkhususan industri yang akan menyumbang kepada integrasi ekonomi yang lebih besar.

Sementara itu, Perjanjian ASEAN mengenai *Movement of Natural Persons* (MNP) telah ditandatangani pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 pada bulan November 2012. Perjanjian itu dijangka memudahkan pergerakan pelabur, ahli perniagaan dan tenaga kerja mahir di kalangan Negara Anggota.

Jawatankuasa Penyelarasan Mengenai Pelaburan ASEAN (*Coordinating Committee on Investment*, CCI) meneruskan usahanya dalam melaksanakan Program Kerja CCI 2011-2012 bagi meningkatkan rejim pelaburan ASEAN. Sebagai agensi peneraju Malaysia bagi Mesyuarat CCI ASEAN, MIDA terlibat secara aktif dalam program-program berkaitan dengan pelaburan ASEAN. MIDA terlibat sebagai penceramah di Simposium AEC yang diadakan pada 19 September 2012 di Jakarta dan di Forum Pelaburan ASEAN ke-2 (*ASEAN Investment Forum*, AIF) — satu platform bagi dialog strategik dan perkongsian pengalaman di kalangan Ketua-Ketua Agensi Promosi Pelaburan ASEAN yang diadakan pada 16 November 2012 di Phnom Penh, Kemboja.

Peranan MIDA dalam proses kerjasama ekonomi ASEAN meliputi kerjasama dalam akses pasaran dan fasilitasi perdagangan barang serta kerjasama dalam promosi, fasilitasi dan liberalisasi pelaburan. MIDA menyokong rundingan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam FTA ASEAN dengan menyediakan input dan cadangan dalam bidang

perdagangan barang (termasuk Peraturan Tempasal) dan pelaburan. Rundingan FTA adalah seperti berikut:

- Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP) dalam Bab Pelaburan;
- Perjanjian Pelaburan ASEAN-India; dan
- FTA ASEAN-Australia-New Zealand - Program Kerja dalam Bab Pelaburan.

MIDA juga terus menjadi agensi peneraju Malaysia bagi mesyuarat Kumpulan Pakar Pelaburan (*Investment Experts' Group*, IEG) dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific Economic Cooperation*, APEC). Pada tahun 2012, tiga mesyuarat IEG telah diadakan yang memberi tumpuan kepada keutamaan berikut:

- Meliberalisasi perdagangan dan pelaburan serta memperluaskan integrasi ekonomi serantau;
- Pengukuhan keselamatan makanan;
- Menubuhkan rantaian bekalan yang terjamin ; dan
- Memupuk pertumbuhan inovatif.

Selain perkembangan ini, 2012 juga menyaksikan Rantaian Perdagangan ASEAN diaktifkan buat kali pertama. Platform dagangan itu menghubungkan Bursa Malaysia, Bursa Singapura dan Bursa Saham Thailand untuk mewujudkan satu pasaran maya bernilai US\$ 1.3 trilion. Pasaran saham Indonesia, Filipina dan Vietnam di bursa Hanoi dan Ho Chi Minh City dijangka akan dilancarkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Pada masa itu platform tersebut akan berada pada kedudukan kelapan atau kesembilan terbesar di dunia dari segi modal pasaran.

ASEAN mempunyai jumlah penduduk seramai 600 juta orang dan KDNK sebanyak US\$ 1.8 trilion (RM 5.68 trilion). Pada tahun 2012, ia menyumbang kepada 27 peratus (RM 358.1 bilion) perdagangan luar Malaysia berbanding 25 peratus pada tahun 2011 (RM 330.8 bilion). Blok perdagangan itu akan terus memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara.

## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

rundingan Perjanjian Jaminan Pelaburan (*Investment Guarantee Agreements*, IGAs) dengan Republik San Marino dan Qatar pada tahun 2012. IGA adalah untuk memastikan perlindungan ke atas pelaburan asing termasuk pelaburan yang dibuat oleh pelabur Malaysia di negara-negara tuan rumah.

Sebagai titik tumpuan dalam mengukuhkan dan memperkemaskin kedudukan Malaysia dalam perdagangan dan pelaburan antarabangsa, MITI telah berterusan merujuk kepada MIDA dalam pelbagai isu berkaitan perdagangan dan pelaburan. Pada tahun 2012, MIDA-MITI meneruskan peranannya dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation*, WTO) dengan usaha ke arah modaliti akses pasaran bagi produk bukan pertanian dan


### Meningkatkan perdagangan antarabangsa

Keupayaan MIDA untuk melibatkan diri dengan pelabur-pelabur asing yang prospektif dan menyumbang kepada pertumbuhan masa depan negara juga bergantung kepada aktiviti perdagangan dua hala dan pelbagai hala Malaysia yang banyak membantu dalam menarik pelabur asing.

Pada tahun 2012, MIDA terus menyertai rundingan dua hala FTA Malaysia dengan rakan dagangannya. Peranan MIDA meliputi rundingan untuk akses pasaran dalam perdagangan barang, peraturan tempasal dan pelaburan. Ia juga mengambil bahagian dalam

### Undi kepercayaan

Sementara pelabur tradisional Asia seperti Singapura dan Jepun terus menunjukkan kepercayaan mereka terhadap iklim perniagaan Malaysia, negara ini juga telah menarik minat pelabur dari Timur Tengah dan Eropah.



## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

penghapusan tarif bagi barang dan produk alam sekitar dalam Perjanjian Teknologi Maklumat (*Information Technology Agreement, ITA*).

### Memupuk pelabur domestik

Pelaburan domestik sentiasa mempunyai peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia tetapi kini ia dijangka akan memacu agenda pelaburan negara. Daya saing Malaysia yang berterusan adalah bergantung kepada pengukuhan pengilang dan pembekal perkhidmatan domestik serta mempercepatkan peralihan mereka kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. Transformasi ini akan memerlukan pelaburan domestik yang lebih kukuh serta generasi baharu aliran masuk FDI dalam bidang pertumbuhan baru.



Sehubungan ini, Malaysia telah memulakan strategi baru untuk menggalakkan lagi pelaburan domestik yang akan membantu negara membuat lonjakan kuantum yang diperlukan dalam memacu agenda pelaburan negara untuk mengubah ekonomi. Beberapa langkah telah diumumkan untuk merangsang pelaburan domestik pada tahun 2012:

- Penubuhan Dana Strategik Pelaburan Domestik sebanyak RM 1 bilion yang akan diuruskan oleh MIDA untuk menyediakan bimbingan dan bantuan kepada syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri-industri yang disasarkan. Pakej bantuan akan disesuaikan berdasarkan keperluan syarikat individu. Dana khas itu adalah untuk mempercepatkan peralihan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri-industri yang disasarkan kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi

tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. Dana ini bertujuan untuk:-

- » Menggembangkan dan memanfaatkan peluang-peluang penyumbangan luar yang diwujudkan oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia;
- » Meningkatkan pemerolehan teknologi oleh syarikat milik rakyat Malaysia; dan
- » Membolehkan syarikat milik rakyat Malaysia untuk mendapatkan standard/persijilan antarabangsa dalam industri strategik.

## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan meningkatkan tahap dana pemegang saham daripada RM 500,000 sehingga kurang daripada RM 2.5 juta.

- Pengenalan kadar cukai khas bagi menggalakkan penyedia perkhidmatan kecil Malaysia untuk bergabung menjadi entiti yang lebih besar dalam membina daya saing entiti kecil tersebut. Ini adalah berikutan usaha-usaha Kerajaan untuk meliberalisasi sektor perkhidmatan

Pembentukan Dana Strategik Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Strategic Fund, DISF*) berjumlah

### “Pembentukan Dana Strategik Pelaburan Domestik berjumlah RM 1 bilion pada tahun 2012 telah mendapat sambutan baik oleh sektor swasta.

- Pengenalan semula insentif dalam pemerolehan syarikat-syarikat asing untuk teknologi tinggi yang akan membolehkan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia memperolehi teknologi canggih melalui pendekatan lonjakan untuk meningkat dalam rantaian nilai atau untuk pelbagai bidang baharu. Inisiatif ini akan memudahkan aktiviti inovasi di kalangan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia.
- Syarikat-syarikat perlilangan milik rakyat Malaysia yang telah beroperasi selama setahun atau kurang dan mengusahakan produk atau aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 kini layak untuk memohon insentif cukai. Kelonggaran ini adalah untuk mempermudahkan pelaburan baharu oleh syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia.
- Peningkatan insentif cukai bagi syarikat-syarikat kecil milik rakyat Malaysia yang layak untuk memohon insentif cukai di bawah

RM 1 bilion pada tahun 2012 telah mendapat sambutan baik oleh sektor swasta. Idea dana itu adalah untuk mempercepatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia ke dalam rantaian bekalan global bagi industri yang disasarkan dan sektor pertumbuhan tinggi. Sehingga Disember 2012, sebanyak 19 syarikat telah diluluskan geran di bawah Dana tersebut.

Berikutnya pengumuman inisiatif untuk meningkatkan pelaburan domestik, MIDA telah menganjurkan pelbagai *roadshow* dan seminar untuk perniagaan tempatan. Seminar Pelaburan Domestik yang dianjurkan oleh MIDA di Kota Kinabalu, Sabah pada 4 Disember 2012 telah menarik seramai 163 peserta. Bertemakan “Peluang Pelaburan dalam Sektor Pertumbuhan Tinggi di Sabah”, objektif seminar itu adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai insentif baharu bagi Inisiatif Pelaburan Langsung Domestik (*Domestic Direct Investment, DDI*) dan untuk memberi maklumat terkini mengenai peluang-peluang pelaburan dalam sektor-sektor pertumbuhan tinggi di Sabah.

## Penggalakan pelaburan pada tahun 2012

MIDA juga telah menganjurkan lapan seminar/bengkel industri khusus pada tahun 2012 dengan kerjasama Bahagian-bahagian Industri Elektronik, Industri Kayu & Kertas, Industri Teknologi Makanan dan Perniagaan & Sektor Perkhidmatan Lain. Objektif seminar /bengkel ini adalah untuk:

- Memberi maklumat kepada peserta mengenai trend terkini dalam industri ;
- Menyebarluaskan maklumat mengenai peluang perniagaan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- Memaklumkan kepada komuniti perniagaan mengenai inisiatif Kerajaan dalam mempromosikan industri dan pakej insentif yang ditawarkan kepada pelabur; dan
- Mempermudah rangkaian di kalangan pelabur / syarikat tempatan dan MIDA dan agensi-agensi Kerajaan lain.

Di samping itu, MIDA telah menganjurkan tiga Mesyuarat Meja Bulat (lihat Lampiran) dengan syarikat-syarikat Malaysia dan asing yang terpilih di Selangor, Pahang dan Pulau Pinang pada tahun 2012. Mesyuarat-mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Objektif Mesyuarat Meja Bulat ini adalah untuk:

- Mengumpul maklumat mengenai minat syarikat-syarikat dalam pelan pembesaran atau pemapelbagaian mereka;
- Mendapatkan maklumbalas daripada syarikat-syarikat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan operasi mereka; dan
- Memberi maklumat terkini kepada syarikat-syarikat mengenai inisiatif yang dijalankan oleh MITI dan MIDA untuk menggalakkan pelaburan.

MIDA telah mengambil bahagian dalam lebih 30 pameran tempatan untuk terus memberi pendedahan kepada komuniti perniagaan tempatan dan mewujudkan kesedaran mengenai peluang-peluang

pelaburan di Malaysia (lihat Lampiran). MIDA juga telah menganjurkan sembilan taklimat mengenai Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) di ibu pejabat MIDA dan di lokasi-lokasi di seluruh negara.

## Liputan media dan ekspo

Untuk menyokong usaha-usaha pegawai pelaburan MIDA, Unit Komunikasi Pelaburan terus menjalankan aktiviti kesedaran awam dan perhubungan awam sepanjang tahun 2012. Aktiviti ini termasuk membeli ruang iklan, menyertai pameran promosi pelaburan serta menganjurkan lawatan untuk wartawan asing. Empat wartawan antarabangsa terkemuka telah melawat Malaysia di bawah Program Lawatan Wartawan pada tahun 2012 untuk mempelajari tentang persekitaran pelaburan negara:

- Tarikh: 14 -17 Februari 2012  
Eldon R. Ball  
Editor Kanan, Teknologi dan Ekonomi  
*Majalah Off Shore Magazine*
- Tarikh: 16 - 20 April 2012  
Wang Qiang  
Ketua Editor, *Shanghai Business Daily*
- Tarikh: 28 Mei - 3 Jun 2012  
Urs Walterlin  
Koresponden Antarabangsa,  
*Handelsblatt*, Germany
- Tarikh: 11 – 17 Julai 2012  
Phil Bolton  
*Global Atlanta*,  
Georgia, USA

Pada tahun 2012, MIDA telah menempatkan iklan dan advertorial dalam beberapa penerbitan tempatan dan asing termasuk International Business Review, Malaysian Business, Forbes Asia, FDI, Chosun Ilbo, Nikkei Business, Site Selection, Aswaaq, Al-Khaleej dan Industry Europe. MIDA juga terus mengambil bahagian dalam pameran promosi pelaburan antarabangsa untuk mewujudkan kesedaran mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Pameran-pameran dan aktiviti promosi pelaburan ini juga telah menyediakan

peluang rangkaian di antara rakyat Malaysia dan ahli perniagaan asing untuk meneroka perkongsian dan kerjasama perniagaan serta menubuhkan syarikat usaha sama. Pada tahun 2012, MIDA telah mengambil bahagian dalam 33 pameran tempatan dan lima pameran di luar negara.

## Pembangunan sumber manusia

Untuk melindungi keupayaan MIDA dalam melaksanakan peranannya pada masa depan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia MIDA terus memupuk bakatnya. Tiga teras utama jabatan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan di kalangan kakitangan, membentuk pekerja terpilih sebagai pemimpin masa depan dan bagi mewujudkan budaya prestasi bernilai tinggi. Pada tahun 2012, Bahagian telah memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan organisasi dengan menyediakan program-program latihan bernilai tinggi untuk para pegawai.

Objektif utama Jabatan ialah untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan pembangunan diri di kalangan kakitangan MIDA. Prasarana latihan telah disediakan untuk memudahkan laluan ke masa hadapan manakala program latihan telah menyediakan asas yang kukuh untuk menjadi kakitangan MIDA lebih cemerlang.

Pelbagai program pembangunan telah dianjurkan dan diselaraskan untuk membangunkan kakitangan yang kompeten di MIDA pada tahun 2012. Program ini memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi dengan membangunkan corak pemikiran, penyelesaian masalah dan kemahiran insan. Kakitangan telah terlibat secara aktif dalam program-program sepanjang tahun dengan menggunakan 96 peratus jam kredit latihan. ■



**SELAMAT HARI JADI, DATO' SRI:** Datuk Noharuddin Nordin (kiri) menyampaikan hadiah hari jadi kepada Dato' Sri Mustapa Mohamed, khas daripada MIDA: ikrar lima prinsip ke arah kecemerlangan. Di sebelah ialah Timbalan Menteri Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir dan Ketua Setiausaha Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria.

## PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 berserta perakuan Ketua Audit Negara seperti yang diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi memenuhi Seksyen 7 dan 8 Akta Badan Berkunun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

- 60 Perakuan Audit
- 63 Lembaran imbalan
- 64 Penyata pendapatan
- 64 Penyata perubahan ekuiti
- 65 Penyata aliran tunai
- 67 Nota-nota kepada penyata kewangan

# 58



**SILA IKUT LALUAN INI:** Jaswant Singh, Pengarah Eksekutif, Ekosistem Pelaburan mengetuai delegasi MIDA semasa lawatan tapak ke B. Braun Medical Industries Sdn Bhd (Pulau Pinang).

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**


Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(ONG SWEE LENG)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
14 OGOS 2013



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia  
(Pindaan) 2011)

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

Kami, **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** dan **DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,

TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ

PENGERUSI

2 OGOS 2013

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,


DATUK DR. REBECCA  
FATIMA STA MARIA

AHLI JEMAAH

6 OGOS 2013

KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

<b>LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)</b> (Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pindaan) 2011)	
<b>PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)</b>	
<p>Saya, <b>NOHARUDDIN NORDIN</b> pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan <b>LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA</b> dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikuti sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.</p>	
Sebenarnya dan sesungguhnya ) diakui oleh penama di atas ) di KUALA LUMPUR ) pada 2 OGOS 2013 ) .....	) .....
<p><b>DATUK NOHARUDDIN NORDIN</b></p> <p>Di hadapan saya,    .....</p> <p>No. W607  Nama: GURDEEP SINGH  AULJAG SINGH  .....</p> <p><b>PESURUJAYA SUMPAH</b>  .....</p> <p>253 - TINGKAT 4  JALAN TUN SAMBANTHAN  (BRICKFIELDS)  50170 KUALA LUMPUR</p>	

**Lembaran imbangan**  
Pada 31 Disember 2012

	Nota	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>ASET TETAP</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	6	203,600,360	151,353,649
Pembinaan dalam kemajuan	7	478,293	62,317,120
Penghutang	8	641,701	766,641
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang	8	1,318,979	6,183,143
Pendahuluan		212,257	520,531
Deposit diberi		6,492,232	7,672,231
Bayaran terdahulu		4,241,976	4,709,851
Simpanan tetap di bank berlesen		500,000,000	708,308,346
Wang di bank dan di tangan		102,974,821	37,248,926
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>615,240,265</b>	<b>764,643,028</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Akaun-akaun khas	9	437,921,867	553,552,750
Pelbagai pembiutang	10	38,365,307	48,108,357
Manfaat pekerja jangka pendek	11	184,800	298,276
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>476,471,974</b>	<b>601,959,383</b>
<b>JUMLAH ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>138,768,291</b>	<b>162,683,645</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>		<b>343,488,645</b>	<b>377,121,055</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
Kumpulan wang terkumpul mengurus		106,095,308	110,710,758
Kumpulan wang terkumpul pembangunan	16	225,640,657	257,808,715
Kumpulan wang pinjaman kenderaan		3,000,000	3,000,000
Kumpulan wang pembiayaan komputer		350,000	350,000
<b>JUMLAH</b>		<b>335,085,965</b>	<b>371,869,473</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>			
Manfaat pekerja jangka panjang	11	8,402,680	5,251,582
<b>JUMLAH</b>		<b>343,488,645</b>	<b>377,121,055</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

## Penyata pendapatan

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012

	Nota	2012 (RM )	2011 (RM )
<b>PENDAPATAN</b>			
Geran kerajaan		163,431,300	173,790,900
Lain-lain pendapatan	12	22,572,260	10,398,691
		<b>186,003,560</b>	<b>184,189,591</b>
<b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	13	65,274,696	56,368,632
Lain-lain perbelanjaan	14	105,780,205	106,637,805
Susutnilai	6	19,564,109	5,910,572
		<b>190,619,010</b>	<b>168,917,009</b>
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH TAHUN SEMASA</b>			
		<b>(4,615,450)</b>	<b>15,272,582</b>

## Penyata perubahan ekuiti

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012

	Kumpulan wang mengurus (RM )	Kumpulan wang pembangunan (RM )	Kumpulan wang pinjaman kenderaan (RM )	Kumpulan wang pembentukan komputer (RM )	Jumlah (RM )
<b>Baki pada 1 Januari 2011</b>	95,438,176	259,278,898	3,000,000	350,000	358,067,074
Terimaan dalam tahun	-	1,800,000	-	-	1,800,000
Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan	15,272,582	382,273	-	-	15,654,855
Penggunaan dalam tahun	-	(3,652,456)	-	-	(3,652,456)
<b>Baki pada 31 Disember 2011</b>	<b>110,710,758</b>	<b>257,808,715</b>	<b>3,000,000</b>	<b>350,000</b>	<b>371,869,473</b>
Terimaan dalam tahun	-	3,200,000	-	-	3,200,000
(Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan	(4,615,450)	(17,713,747)	-	-	(22,329,197)
Penggunaan dalam tahun	-	(17,654,311)	-	-	(17,654,311)
<b>Baki pada 31 Disember 2012</b>	<b>106,095,308</b>	<b>225,640,657</b>	<b>3,000,000</b>	<b>350,000</b>	<b>335,085,965</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

## Penyata aliran tunai

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012

	Nota	2012 (RM )	2011 (RM )
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
(Kurangan)/Lebihan Bersih Tahun Semasa		(4,615,450)	15,272,582
Pelarasan bagi:-			
Faedah atas deposit di bank		(3,298,496)	(3,787,107)
Hibah atas Pembiayaan Komputer		(2,773)	(3,740)
Faedah atas Pinjaman Kenderaan		(37,217)	(44,927)
Faedah atas Deposit		(1,302)	(1,040)
Keuntungan Atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(2,868)	(56,876)
Kerugian atas penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		369,709	19,728
Pengiktirafan Geran Tertunda		(17,654,311)	(3,652,456)
Susutnilai	6	19,564,109	5,910,572
Peruntukan Manfaat Pekerja		3,346,058	594,332
Hapuskira Penghutang		17,480	13,457
<b>(Kerugian)/keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</b>		<b>(2,315,061)</b>	<b>14,264,525</b>

Perubahan Modal Kerja [Kurangan/(tambahan)]		
Penghutang		4,971,624
Pendahuluan		308,274
Deposit Diberi		1,179,999
Bayaran Terdahulu [Kurangan/(tambahan)]		467,875
Pelbagai Pembiayaan		(9,743,050)
<b>Tunai (digunakan)/dijana daripada operasi</b>		<b>5,130,339</b>
Pembayaran manfaat pekerja		(308,436)
<b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN)/DIJANA DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		<b>(5,438,775)</b>
		<b>7,951,482</b>

*Bersambung >>*

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

# Penyata aliran tunai (samb)

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012

Nota	2012 (RM)	2011 (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(72,260,532)	(2,047,885)
Permodalan Bangunan MIDA-Pembinaan Dalam Kemajuan	62,317,120	67,680
Kutipan daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	82,871	123,330
Penerimaan Bagi Hibah Atas Pembentukan Komputer	2,773	3,740
Pembayaran bagi Pembentukan dalam Kemajuan	(478,293)	(62,210,469)
Penerimaan Geran Pembangunan	3,200,000	1,800,000
Faedah Diterima - Kumpulan Wang Pembangunan	978,720	2,023,889
Pendapatan sewa akaun pelaburan	39,412	407,905
Pembayaran bagi perbelanjaan Pembangunan	(18,731,879)	(2,049,521)
Penerimaan Geran Pembangunan- Akaun-Akaun Khas	206,096,176	376,571,686
Faedah Diterima-Akaun-Akaun Khas	17,966,312	15,572,330
Pembayaran bagi Akaun-Akaun Khas	(339,693,371)	(156,582,613)
Faedah atas deposit di bank	3,298,496	3,787,107
Faedah atas Pinjaman Kenderaan	37,217	44,927
Faedah atas deposit	1,302	1,040
<b>Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(137,143,676)</b>	<b>177,513,146</b>
<b>(KURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>(142,582,451)</b>	<b>185,464,628</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>		
Kesan kadar perubahan kadar pertukaran mata wang asing ke atas tunai dan setara tunai	325,446	(139,670)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan selepas kesan kadar pertukaran mata wang asing	745,231,826	560,232,314
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	<b>15</b>	<b>602,974,821</b>
		<b>745,557,272</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

### 1. Maklumat umum

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pindaan) 2011.

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA di tempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

### 2. Asas perakaunan

Penyata Kewangan ini disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk 'Private Entity Reporting Standard' (PERS) yang dikeluarkan oleh 'Malaysian Accounting Standards Board' (MASB) dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

### 3. Polisi pengurusan risiko kewangan

Bagi MIDA, polisi pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk mencapai objektifnya disamping menguruskan risiko-risikonya berkaitan matawang asing, kredit dan kecairan dan aliran tunai. MIDA tidak terbabit dalam risiko pasaran dan risiko kadar faedah disebabkan MIDA tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi di pasaran saham dan pinjaman daripada institusi kewangan.

#### a) Risiko matawang asing

Risiko matawang asing berlaku akibat daripada membiayai kos operasi 24 pejabat-pejabat MIDA di luar negara. Bagi pemantauan risiko tersebut, penghantaran wang untuk kos operasi pejabat-pejabat tersebut dibuat secara bulanan atau apabila diperlukan dengan menggunakan kadar pertukaran matawang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

#### b) Risiko kredit

Risiko kredit dikawal dengan memastikan bahawa Penghutang Pinjaman mematuhi syarat-syarat pinjaman selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA.

#### c) Risiko kecairan dan aliran tunai

MIDA berusaha dalam mengurus geran-geran yang diterima dari kerajaan Persekutuan, aliran tunai operasi dan dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja agar pengagihan dan penggunaan dana dapat diselaraskan.

### 4. Dasar-dasar perakaunan yang penting

#### d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1,000 seunit dan ke atas setiap satu atau hutan, loji dan peralatan yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan adalah dipermodalkan. Perabot, permaidani, langsir serta sekatan pejabat dan seumpamanya tanpa mengira kosnya tidak dipermodalkan.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak peruntukan susutnilai dan penjejasan aset (jika ada) kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Perisian komputer yang dibeli secara pakej mengikut projek dipermodalkan. Susutnilai ke atas setiap hutan, loji dan peralatan ditentukan berdasarkan kaedah garislurus berasaskan anggaran jangka hayat hutan, loji dan peralatan. Kadar-kadar susutnilai adalah seperti berikut:-

Bangunan	2% setahun
Mesin dan peralatan pejabat	10% setahun
Kenderaan	20% setahun
Komputer, peralatan dan perisian	20% setahun
Pengubahsuai pejabat	20% setahun

## Nota-nota kepada penyata kewangan

### e) Penghutang

Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskira dan peruntukan akan dibuat ke atas hutang yang diragui akan pungutannya.

### f) Akaun khas

Segala terimaan dikreditkan dan segala penggunaan didebitkan kepada akaun tersebut. Baki akaun khas pada tarikh lembaran imbangan diambilkira sebagai liabiliti.

Akaun khas yang diuruskan oleh MIDA, dibiayai oleh pihak ketiga mengikut projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu.

### g) Geran-geran Kerajaan Persekutuan

Geran mengurus tahunan yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa.

Lain-lain geran yang diterima untuk membiayai kos projek pembangunan atau untuk membiayai kos projek tertentu adalah dikreditkan ke kumpulan wang pembangunan atau kumpulan wang berkaitan. Segala kegunaan didebitkan ke kumpulan wang yang berkenaan. Baki pada tarikh lembaran imbangan diambilkira sebagai baki kumpulan-kumpulan wang.

### h) Geran tertunda

Geran tertunda adalah sebahagian daripada kumpulan wang pembangunan dan diiktiraf sebagai pendapatan dalam sesuatu tempoh bagi tujuan memadankan pendapatan tersebut dengan kos-kos yang berkaitan, dengan menggunakan asas yang sistematis.

### i) Pertukaran dan terjemahan matawang asing

#### (i) Urusniaga di dalam matawang asing

Urusniaga di dalam matawang asing di sepanjang tahun telah ditukar kepada matawang Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh Jabatan Aktauntan Negara Malaysia

(JANM) yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga kecuali bagi kontrak yang disebut dalam matawang asing di mana kadar yang digunakan bagi maksud ini ialah kadar yang dikenakan oleh Bank Negara atau mana-mana kadar bank pada tarikh pembayaran dibuat.

Harta dan tanggungan kewangan dalam matawang asing pada tarikh lembaran imbangan telah diterjemahkan kepada matawang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh JANM pada tarikh tersebut. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran dan terjemahan telah diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

#### (ii) Pejabat cawangan MIDA luar negara

Operasi pejabat cawangan MIDA luar negara merupakan sebahagian daripada operasi Ibu Pejabat MIDA dan kadar pertukaran dan terjemahan adalah sama seperti polisi dinyatakan di atas.

#### (iii) Kadar penutup

Kadar penutup utama yang digunakan dalam pertukaran amaun matawang asing adalah seperti berikut:

Matawang	2012 (RM )	2011 (RM )
US Dollar	3.0902	3.1825
Australian Dollar	3.2136	3.2220
Euro	3.9654	4.3274
British Pound	4.9358	5.0423
